


**Jilid I
Bil. 65**



**Hari Selasa
11hb Oktober, 1983**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9409]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18
[Ruangan 9455]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 9457]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 9458]

Korean Air Lines Ditembak oleh Soviet Union—Kecaman [Ruangan 9458]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) [Ruangan 9486]

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 9510]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGGU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K, J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN
JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TUAN ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.
(Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading)
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S, B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 11hb Oktober, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BAHASA MALAYSIA—KEGUNAAN

1. Tuan Mohammad bin Mohammed Basri minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan hendak mengadakan kempen peringkat kebangsaan mengenai kegunaan Bahasa Malaysia bagi menentukan satu taraf tinggi kegunaannya dari aspek kegunaan sewajarnya berbagai istilah sejajar dengan sistem ejaan baru memandangkan masyarakat hari ini tidak begitu minat menggunakannya dengan betul.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, sukacita dimaklumkan dari segi meningkat kegunaan bahasa Malaysia ini, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan sebanyak 156 taklimat penggunaan bahasa, istilah dan ejaan sejak tahun 1978 kepada semua Kementerian, Perbadanan dan Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri di seluruh negara. Siri taklimat ini bolehlah dianggap sebagai kempen penggunaan bahasa yang ditujukan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang merupakan golongan pengguna bahasa yang ramai dan penting di negara ini. Pegawai-pegawai dan kakitangan sektor awam

yang dipilih untuk menyertai taklimat-taklimat ini terdiri daripada mereka yang difikirkan dapat menyebarkan pula pengetahuan mereka kepada seluruh pegawai dan kakitangan di Kementerian, Jabatan atau Perbadanan masing-masing.

Kempen secara taklimat bahasa ini juga diadakan untuk beberapa pihak sektor swasta yang penting seperti pihak media am dan sebagainya. Taklimat-taklimat bahasa ini didapati cukup berkesan. Mutu penggunaan bahasa dan ejaan di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan jelas meningkat dan bertambah baik. Taklimat ini dijalankan beberapa kali tiap-tiap tahun dan akan diteruskan sehingga masalah mutu penggunaan bahasa ini dapat diselesaikan sepenuhnya.

Selain daripada rancangan taklimat bahasa ini, Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan buku-buku seperti buku daftar ejaan rumi Bahasa Malaysia yang sepatutnya dibeli dan digunakan sebagai rujukan hari-hari oleh semua pengguna bahasa Malaysia.

Seterusnya, Dewan Bahasa dan Pustaka juga sedang berunding dengan pihak Radio dan Televisyen Malaysia untuk mengadakan satu siri bimbingan penggunaan bahasa dan ejaan di Televisyen. Dengan adanya beberapa gerakan bagi kegunaan Bahasa Malaysia yang dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu maka pihak Kementerian memikirkan setakat ini belum lagi perlu diadakan

satu kempen peringkat kebangsaan seperti yang dijalankan di tahun-tahun lampau.

Bagaimanapun aktiviti-aktiviti di peringkat sekolah untuk meningkatkan mutu bahasa sentiasa dijalankan. Bagi meninggikan mutu Bahasa Kebangsaan ini, apa yang perlu ialah semua pihak patut berusaha menggunakan bahasa dan ejaan dengan baik dan betul dan dalam hal ini pihak Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan berbagai-bagai kegiatan untuk membangkitkan kesedaran dan minat orang ramai supaya menggunakan bahasa kebangsaan kita dengan betul.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:

Tuan Yang Dipertua, saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa untuk menjamin kestabilan pemakaian bahasa ini mestilah mendapat kerjasama daripada seluruh peringkat masyarakat. Jadi saya ingin bertanya bagaimana pengguna bahasa yang dibuat oleh pihak Bank Negara tentang ejaan "stesyen" dalam wang \$10 yang baru di mana bertentangan dengan ejaan baru sepertimana yang dilaporkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi penggunaan itu nampaknya tidak seimbang di antara Jabatan Kerajaan dengan agensi Kerajaan atau Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob:

Tuan Yang Dipertua, seperti yang telah dijelaskan, sepatutnya ejaan ini perlu dirujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka terlebih dahulu.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya itu merasa puas hati dengan pencapaian yang telah dicapai

dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan sekarang ini di Malaysia ataupun masih lagi dalam peringkat untuk memperhebatkan lagi perkembangannya pada masa hadapan?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob:

Tuan Yang Dipertua, dari segi kegunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar kita sudah sampai kepada peringkat umpamanya yang mana pada tahun ini bahasa Malaysia telah menjadi bahasa pengantar sehingga ke peringkat universiti. Apa yang saya tekankan di dalam jawapan tadi ialah untuk meningkatkan mutu bahasa itu. Dari kegunaan bahasa itu memang kita berpuas hati setakat pencapaian sehingga ini.

Tuan Khadri bin Sabran:

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam usaha Kerajaan untuk meletakkan bahasa Malaysia di tahap kedaulatan yang tinggi setakat manakah kuasa yang ada kepada Jawatankuasa Pengkaji Istilah boleh mendakwa pihak-pihak yang mengeluarkan istilah baru bahasa Malaysia tanpa kelulusan murid-murid sekolah dikelirukan dengan istilah-istilah baru yang tidak bertanggungjawab ini; dan yang kedua, adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu badan bagi mengawasi penggunaan bahasa Malaysia dengan betul di papan-papan tanda dan juga di kenyataan-kenyataan awam yang lain di peringkat negeri dan juga di peringkat-peringkat daerah?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob:

Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang pertama yang berkehendak institusi di bawah Kementerian Pelajaran seperti sekolah-sekolah, memang kita mewajibkan supaya kegunaan bahasa itu dipergunakan dengan betul dan ini kita sarankan melalui badan seperti Lembaga Peperiksaan dan juga di mana Bahagian Sekolah ada mengedarkan pekililingan edaran

untuk kegunaan bahasa yang betul yang perlu dipandukan oleh sekolah-sekolah.

Bagi soalan yang kedua, untuk menyelaraskan dari segi papan tanda ini, ini memerlukan perbincangan bukan sahaja daripada pihak Kementerian Pelajaran tetapi juga melibatkan pihak berkuasa yang lain dan bergantung juga barangkali kepada beberapa undang-undang yang melibatkan perkara berikut.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, kita terasa benar kekalotan dan keributan dalam penggunaan Bahasa Malaysia ini. Puncanya mungkin kerana keingkaran pihak-pihak yang tertentu ataupun mungkin tidak ada kerjasama di antara Jabatan-jabatan dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka walaupun siri taklimat penggunaan bahasa telah diadakan begitu banyak ataupun mungkin kerana kita sendiri belum mempunyai suatu kamus penggunaan Bahasa Kebangsaan yang lengkap.

Jadi, kalaulah ini berlaku demikian bilakah kita bercadang untuk menyediakan suatu kamus penggunaan Bahasa Kebangsaan yang lengkap termasuk istilah-istilah yang diselaraskan dengan penggunaan istilah di rantau ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, dari segi pengeluaran kamus oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini yang sebenarnya beberapa kamus telah dikeluarkan termasuk Kamus Dewan dan ini sedang ditingkatkan untuk pengeluaran tahun depan, bagi dimasuki sistem ejaan baru yang saya nyatakan di dalam jawapan tadi.

Selain daripada itu kita juga ada Kamus Dwi Bahasa yang mengandungi terjemahan kata Inggeris—Bahasa Malaysia.

Selain daripada itu, saya juga hendak menceritakan di sini pihak Dewan Bahasa juga ada mengeluarkan beberapa panduan bahasa kepada masyarakat seperti umpamanya Buku Petua Ejaan Baru yang perlu diteliti oleh masyarakat sekiranya mereka benar-benar berminat untuk menggunakan bahasa secara betul.

Kelemahan yang berlaku sekarang ini ialah, dengan izin Tuan Yang Dipertua, iaitu sifat "ignorance". Yang sebenarnya Dewan Bahasa dan Pustaka sudah mengeluarkan beberapa panduan mengenai bahasa, ejaan dan istilah.

Sekarang ini sedang diperhebatkan lagi kegunaan bahasa dengan betul. Mengenai penyelarasan istilah-istilah dan sebagainya ini akan dihebatkan lagi supaya wujudnya kerjasama yang erat daripada jabatan-jabatan khususnya.

INDUSTRI-INDUSTRI DI BINTULU

2. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan rakyat di Sarawak dilatih dalam bidang teknik untuk melibatkan diri dalam industri-industri di Bintulu seperti Loji Gas Asli Cecair, Loji Urea Ammonia, Palm Oil Tank Farm, Aluminium Smelter dan Market Gardening;
- (b) bilangan pekerja tempatan yang diambil oleh kontraktor asing dalam industri-industri di Bintulu. Apakah peratusnya dibanding dengan jumlah gunatenaga yang terlibat. Berapa peratus pekerja tempatan tersebut (peringkat teknik dan pengurusan) merupakan pekerja asal Sarawak; dan

- (c) apakah "supporting industries" yang dicadangkan ditubuh dalam kawasan Kindurong Serviced Industrial Estate dan bagaimana industri tersebut dapat memberi keuntungan kepada Sarawak secara langsung dan tidak langsung.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan ada sediakan satu program khas jangka pendek untuk melatih rakyat negeri Sarawak bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dan dalam perusahaan Bintulu yang sedang pesat berkembang. Program latihan ini dijalankan di negeri Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia dengan meliputi berbagai bidang ketukangan iaitu mekanikal, elektrik dan pembinaan. Dari permulaan program itu dari tahun 1979 sehingga berakhirnya pada tahun 1982, seramai 2,824 orang telah diberikan latihan dalam berbagai bidang.

Bilangan pekerja Malaysia yang digajikan oleh 11 kontraktor asing pada 31-1-1983 adalah seramai 597 orang, dari bilangan ini 591 adalah dari negeri Sarawak dan 6 dari Semenanjung Malaysia.

Bilangan pekerja asing yang digajikan oleh 11 kontraktor asing yang sama pada 31-1-1983 adalah seramai 419 orang menjadikan jumlah pekerja seramai 1,016 orang pada 31-1-1983.

Peratusan jumlah pekerja Malaysia jika dibandingkan dengan jumlah semua pekerja ialah 58.7%. Sementara peratusan jumlah pekerja Sarawak jika dibanding dengan jumlah semua pekerja Malaysia adalah sebanyak 99%.

Bilangan pekerja Malaysia yang terlibat dalam peringkat teknik dan pengurusan pula adalah seramai 48 orang iaitu 12% daripada jumlah yang terlibat dalam peringkat ini.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kawasan perindustrian Kindurong adalah kawasan industri perkhidmatan untuk industri-industri kecil sokongan, sampingan dan perkhidmatan.

Memandangkan bahawa kawasan ini terletak hanya 10 kilometer dari Bintulu, industri-industri sokongan kepada projek-projek besar seperti gas cecair asli, urea dan ammonia dapatlah digalakkan.

Di samping itu projek-projek foundry, logam dan industri sokongan kejuruteraan dapat digalakkan juga.

Pada masa ini Kerajaan negeri Sarawak telah pun meluluskan beberapa jenis industri dan antaranya ialah industri plastik, minuman ringan, kilang padi, bengkel-bengkel perkhidmatan kejuruteraan am dan industri mencelup tayar.

Faedah secara langsung dari industri-industri sokongan ini ialah penambahan peluang-peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan rakyat tempatan dan juga pembangunan di sekitar kawasan ini.

Secara tidak langsung pula, pembangunan yang pesat ini akan menggerakkan ekonomi tempatan dan juga dapat menarik lebih banyak pelaburan ke kawasan ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula suatu keputusan di mana rancangan untuk membina lapangan terbang di kawasan Bintulu akan dibatalkan.

Tuan Yang Dipertua: Saya takut soalan itu bukanlah soalan yang berbangkit dari soalan asal.

Tuan Patrik Anek Uren: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu sama ada Kerajaan sedar

bahawa keadaan di Bintulu keseluruhannya orang tempatan tidak begitu diambil untuk bekerja di peluang-peluang yang ada di Bintulu sungguhpun Yang Amat Berhormat ada mengatakan bahawa lebih 50% daripada bilangan yang ada sekarang bekerja di kawasan itu terdiri daripada penduduk tempatan bahkan peluang-peluang baru, keengganan pengusaha-pengusaha untuk mengambil orang tempatan adalah ternampak sangat. Kalau ada Kerajaan bercadang untuk membawa langkah tertentu untuk menarik perhatian kepada pengusaha-pengusaha tempatan baik pun daripada luar supaya lebih lagi berminat untuk mengambil pekerja-pekerja tempatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, jika dimaksud dengan tempatan ialah orang-orang Sarawak, maka jelas daripada sini bahawa 99% daripada pekerja-pekerja yang diambil yang berasal daripada Malaysia terdiri daripada orang tempatan Sarawak. Jika dengan perkataan tempatan itu dimaksudkan Tanjung Kidurong, mungkin ini bermakna bahawa tidak ramai daripada Tanjung Kidurong kerana penduduk di situ tidak begitu ramai.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)— PERKENANAN DIRAJA

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan tarikh Rang Undang-undang Perlembagaan (pindaan) 1983 dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenanan Diraja Baginda dan tarikh Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 akan diwartakan untuk dikuatkuasakan.

24-10-83

8. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri sama ada pindaan-pindaan bagi Perlembagaan Persekutuan dikenalkan oleh Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang cuba menyekat kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam hal tempoh bagi Seri Paduka Baginda terpaksa menandatangani Rang Undang-undang selepas mana Rang Undang-undang itu menjadi Undang-undang dan satu pindaan sama bagi Jadual 8 Perlembagaan berkaitan dengan kuasa-kuasa Raja-raja Melayu dan Gabenor-gabenor telah mendapat persetujuan Yang di-Pertuan Agong. Jika ya, bila dan jika tidak apakah sebab-sebabnya.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang hampir sama daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 24-10-83.

Saya difahamkan bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 ini telah dihantar oleh pihak Parlimen ke Istana Negara untuk mendapat perkenan di-Raja seperti yang biasa dilakukan.

Rang Undang-undang ini akan diwartakan sebaik sahaja perkenan di-Raja diperolehi. Memandangkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong gering, kemungkinannya ialah Rang Undang-undang ini akan mengambil masa sebelum diperkenankan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini apa tindakan telah diambil untuk mengatasi krisis Perlembagaan yang sudah timbul atas Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan

sehingga semua 8 Rang Undang-undang Perlembagaan yang telah diluluskan dalam Dewan ini dan di Dewan Negara adakah semuanya tidak diperkenankan?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar akan adanya krisis.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua; soalan tambahan. Apakah benar berita-berita yang telah diulas oleh pihak wartawan luar negeri yang disiarkan dalam majalah-majalah luar negeri tentang krisis yang berlaku di Malaysia ini akibat daripada Pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan; kalaulah tidak benar, apakah pihak Kerajaan Malaysia tidak mengambil tindakan terhadap majalah-majalah luar negeri itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, mengikut wartawan dan majalah daripada luar negeri sebenarnya Malaysia telah menghadapi krisis sejak tahun 1953 sehingga sekarang ini, tidak pernah berhenti-henti, jadi oleh kerana itu kita tidak dapat mengambil apa-apa tindakan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan.

Tuan Yang Dipertua: Soalan yang penghabisan.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menafikan ada krisis Perlembagaan, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kenapa kalau tidak ada krisis Perlembagaan pihak Kerajaan sekarang ambil tindakan untuk mengharamkan atau untuk mengeluarkan laporan-laporan daripada majalah-majalah khususnya baru-baru ini *Far Eastern Economic Review* yang ada membuat laporan mengenai perkara-perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, laporan yang menyentuh peribadi Raja-raja tentu akan membangkitkan bermacam-macam soalan yang tidak mungkin dijawab oleh Raja-raja yang mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam negara kita ini. Oleh kerana ingin mengelakkan daripada bermacam-macam tohmahan yang akan dilemparkan kepada Raja-raja yang tidak boleh menjawab maka kita telah mengambil tindakan untuk menentukan supaya masalah ini tidak berbangkit di dalam negara kita.

TRAGEDI KOREAN AIRLINES

4. **Tuan Lim Liang Seng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap tragedi Korea Airlines Boeing 747 dengan 269 penumpangnya yang telah dimusnahkan oleh kapal terbang pejuang Soviet Union pada awal bulan September ini; dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk turut serta bersama-sama mesyuarat antarabangsa mengadakan "sanction" terhadap negara yang melakukan kekejaman ini.

13-10-83

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan hanya mengambil satu pendirian yang sangat goyah terhadap Soviet Union berikutan penembakan jatuh sebuah pesawat Korea Selatan yang mengorbankan nyawa 269 penumpang termasuk seorang warganegara Malaysia, jika sedar, sama ada Kerajaan akan mengambil tindakan tegas membantah tindakan Soviet Union itu seperti mengharamkan semua pesawat Aeroflot mendarat di Kuala Lumpur untuk tempoh sekurang-kurangnya enam bulan.

18-10-83

11. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abd. Hamid minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan Kerajaan berhubung dengan penembakan Kapal Terbang KAL oleh pihak Tentera Udara Soviet dan apakah langkah-langkah Kerajaan berhubung dengan tindak-tanduk Soviet Union itu bagi mengatasi masalah tersebut.

9-11-83

15. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya telah merancang siri tindak-balas termasuk melarang Aeroflot dari mendarat di negeri kita terhadap pihak Rusia mengenai penembakan pesawat Syarikat Penerbangan Korea oleh pihak Rusia pada 1-9-1983 di mana seorang rakyat Malaysia telah terkorban; dan
- (b) apakah sebab-sebab munasabah pihak polis tidak melulus permohonan oleh rakyat dan parti-parti politik mengadakan rapat umum dan perarakan untuk membantah kekejaman Rusia dalam peristiwa ini.

10-11-83

10. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap dan pendirian Kerajaan terhadap kejadian kejam di mana kapal terbang awam Korea telah ditembak oleh Rusia, mengakibatkan seorang warganegara Malaysia terbunuh.

30-11-83

1. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Luar Negeri menyatakan selain daripada mengutuk Rusia dengan menggunakan bahasa yang sekeras-kerasnya, apakah langkah-langkah

yang lain dari segi politik, ekonomi, kebudayaan diambil oleh Malaysia terhadap Rusia dalam masa jangka pendek dan jangka panjang mengenai penembakan satu jumbo jet kepunyaan Korea Selatan di mana 268 penumpang dari 12 negara terkorban termasuk Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kinta ini bersama-sama dengan soalan-soalan lain daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur pada 13-10-83, soalan Ahli Yang Berhormat dari Matang pada 18-10-83, soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada 9-11-83, soalan Ahli Yang Berhormat dari Sibul pada 10-11-83, soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas pada 30-11-83, yang mana soalan-soalan mereka adalah sama ataupun bertujuan sama seperti soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kinta ini.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan kita telah mengambil beberapa tindakan tegas bagi menyatakan kekesalan kita yang amat sangat serta bagi menyampaikan bantahan negara terhadap tindakan Soviet Union menembak jatuh kapal terbang awam Republik Korea pada 1-9-83 yang lalu.

Kita sedia maklum bahawa sebanyak 269 penumpang dan kakitangan termasuk seorang warganegara Malaysia telah terbunuh dalam kejadian tersebut. Di samping mengutuk dengan sekeras-kerasnya perbuatan tersebut dalam beberapa kenyataan kerana kita juga telah mendesak pihak Soviet Union memberi sesuatu penjelasan yang memuaskan kepada masyarakat antarabangsa di atas tindakan ganas dan tidak berperikemanusiaan itu.

Kita juga telah mendesak supaya negara itu membayar ganti rugi yang memuaskan kepada mangsa-mangsa keganasan tersebut.

Pihak Duta Besar Soviet Union di Malaysia telah juga dipanggil ke Wisma Putra di mana bantahan dan desakan ini telah disampaikan dengan rasminya.

Selain dari kenyataan-kenyataan dan tindakan di atas Kerajaan kita juga telah mengambil beberapa tindakan lain selaras dengan pendirian yang kita telah ambil. Antara langkah-langkah itu termasuklah:

Pertama, mengambil bahagian cergas dalam sidang tergepar Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan menjadi penganjur bersama (Co-sponsor) revolusi yang dikemukakan di sidang majlis tersebut. Resolusi tersebut mengutuk tindakan Kerajaan Soviet itu dan meminta trajedi tersebut disiasat dengan sepenuhnya. Resolusi tersebut juga telah menuntut ganti rugi bagi mangsa-mangsa yang berkaitan di bawah undang-undang antarabangsa.

Kedua, mengambil bahagian di Persidangan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa atau dikenali sebagai ICAU di Montreal di mana Malaysia telah dengan tegasnya menyokong langkah-langkah berikut:

- (i) Mengadakan penyiasatan sepenuhnya oleh ICAU.
- (ii) Meminta kerjasama dari semua pihak untuk menjayakan penyiasatan tersebut.
- (iii) Mengarahkan Setiausaha Agong ICAU melaporkan tentang sejauh manakah negara-negara Ahli ICAU mematuhi Chicago Convention iaitu suatu perjanjian antara bangsa mengenai keselamatan penerbangan awam.

- (iv) Mengarahkan Suruhanjaya Penerbangan Udara (Air Navigation Commission) sebuah badan yang tertakluk kepada ICAU supaya dengan serta-merta menyemak semua peruntukan atau kandungan Chicago Convention, supaya kejadian buruk itu tidak berulang lagi.

Di samping tindakan-tindakan tersebut, Kerajaan juga telah membatalkan lawatan seorang pegawai kanan Kementerian Luar Negeri Soviet yang seharusnya diadakan pada 13-15 September yang lalu. Di samping itu cadangan lawatan kumpulan Riga Ballet dari USSR dan juga beberapa kegiatan lain negara itu juga telah ditangguhkan kerana difikirkan tidak sesuai untuk diadakan buat masa ini.

Berhubung dengan perkara ini Kerajaan juga berfikir bahawa sebarang tindakan yang diambil oleh kita haruslah seboleh-bolehnya diselaraskan dengan negara-negara lain. Ini adalah memandangkan sebarang langkah yang diambil itu seharusnya sesuatu yang boleh dan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh yang demikian Kerajaan berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah kita ambil setakat ini berhubung dengan trajedi tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa tindakan-tindakan yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak dapat memberi apa-apa kesan terhadap tindakan protes terhadap Soviet Union ini, dan saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa Kerajaan Malaysia tidak boleh mengekori negara-negara lain yang telah mengambil tindakan yang lebih tegas misalnya untuk mengharamkan pesawat-pesawat

Aeroflot dari mendarat di negara ini sebagai satu tindakan yang lebih berkesan?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan sesuatu tindakan yang kita ambil haruslah membawa kesan yang dikehendaki. Oleh sebab itu kita harus menyelaraskan sebarang tindakan yang kita akan ambil itu dengan negara-negara lain. Buat masa ini Kerajaan rasa tindakan-tindakan yang kita telah ambil memadai, mungkin akan kita ambil tindakan-tindakan lain selepas Suruhanjaya Penyiasatan ICAU itu dapat membuat laporannya, tetapi sebarang tindakan yang kita ambil nanti tentulah selaras dan dalam konteks tindakan-tindakan antara-bangsa.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berhubung dengan masalah tragedi KAL 747 baru lalu dan sebagaimana yang diketahui umum bahawa pihak Amerika Syarikat sedang memainkan peranan untuk mempengaruhi negara-negara yang tertentu untuk menyokong tindakan-tindakan mereka seperti memboikot Syarikat Penerbangan Aeroflot dan lain-lain kepentingan Rusia dan untuk mempengaruhi negara-negara tertentu untuk kepentingan mereka, jadi adakah tindakan yang dipelopori oleh Amerika Syarikat ini akan memberi kesan yang menyeluruh dan bermanfaat kepada kita semua, khususnya kepada negara kita Malaysia ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebarang tindakan yang akan kita ambil itu adalah tindakan-tindakan yang selepas diperhitungkan segala seni dan selepas dipertimbangkan segala kepentingan yang merupakan tindakan-tindakan yang membawa keuntungan kepada negara kita dari

segi jangka pendek dan jangka panjang, bukannya keuntungan kepada negara-negara lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk bagi pihak seorang mangsa warganegara Malaysia, Siow Woon Kwong telah dikorban untuk menuntut bayaran ganti rugi daripada Soviet Union; sama ada Kerajaan ada tuntutan atau bercadang untuk buat tuntutan bagi pihak keluarga simati.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana kita sedia maklum pihak soviet Union telah pun menolak tanggungjawab dalam perkara ini. Namun demikian, kita memang sedang memajukan usaha untuk mendapat ganti rugi kepada mangsa malang dari Malaysia itu tetapi kita rasa perkara ini hanya akan berkesan jika kita buat bersama-sama dengan negara-negara lain dan forum yang seelok-eloknya nampak sekarang ini adalah ICAU itu sendiri. Di samping itu, kita juga sedang berunding dengan pihak Korean Airlines sendiri di mana di bawah skim insurannya dan sebagainya syarikat penerbangan itu juga harus membayar ganti rugi kepada mangsa dari Malaysia itu.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan peristiwa ini di Bangsa-bangsa Bersatu yang sedang bersidang sekarang.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan perkara ini sudah pun dibangkitkan dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dan ianya sudah pun di "veto" dan Kerajaan rasa sekarang ini lebih munasabah dan lebih berfaedah

dan mungkin lebih berkesan kita memperjuangkan hal itu dalam badan ICAU.

GAJAH MEROSAKKAN TANAMAN

5. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pada masa ini beberapa kawasan dan kampung di negeri Perak seperti di Lasah, Sungai Siput, Perak serta kawasan sekitarnya sedang diancam oleh keganasan gajah liar yang menyebabkan kerosakan ke atas tanaman-tanaman dan juga mengganggu ketenteraman dan mengancam keselamatan jiwa penduduk-penduduk di situ. Jika ya, apakah langkah positif telah, sedang dan akan diambil bagi menjamin keselamatan tanaman-tanaman mereka tidak dimusnahkan oleh gajah-gajah itu dan memulihkan ketenteraman penduduk-penduduk di situ dari ancaman gajah-gajah itu dan memandangkan gajah itu salah satu binatang yang diletakkan di bawah kawalan undang-undang hidupan liar di negara ini, adakah Kerajaan mempunyai cadangan yang tertentu untuk menempatkan semua gajah-gajah liar di negeri Perak di dalam sebuah kawasan yang dapat menjamin keselamatan gajah-gajah itu supaya dapat terus membiak tanpa apa-apa gangguan atau halangan. Jika ya, di manakah kawasan yang telah dipilih untuk penempatan gajah-gajah itu. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Heing Ding): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat itu, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya sedang memang sedar mengenai ancaman gajah-gajah liar yang merosakkan tanam-tanaman dan mengganggu ketenteraman dan keselamatan penduduk-penduduk di Negeri Perak.

Langkah-langkah positif yang diambil ialah:

(1) *Tembak Halau*

Gajah-gajah liar yang memasuki kawasan tanaman dihalau masuk semula ke dalam hutan oleh renjer-renjer dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara yang bertugas di tiap-tiap kawasan. Tindakan yang diambil berjaya untuk menyelamatkan tanaman dan nyawa manusia, kecuali di beberapa kawasan keselamatan kerana dalam kawasan keselamatan seperti Lasah dan Jalong Tinggi, gajah-gajah tersebut tidak dapat dihalau jauh ke dalam hutan oleh kerana pihak pasukan keselamatan tidak membenarkan Unit gajah memasuki kawasan itu.

(2) *Translokasi*

Langkah ini diambil bertujuan bagi mengurangkan bilangan gajah-gajah liar dari kawasan yang terancam ancamannya atau dari kawasan-kawasan hutan yang semakin sempit akibat dari pembangunan yang pesat. Gajah-gajah tersebut dipindahkan ke kawasan yang lebih selamat. Di Perak, operasi ini telah dilaksanakan di Beruas. Dan pada masa ini operasi ini sedang dijalankan di dua kawasan lagi, iaitu di Besaut dan Seberang Perak. Setakat ini bilangan yang telah dikeluarkan dari dua kawasan-kawasan tersebut adalah seperti berikut:

Bilangan yang telah dikeluarkan:

Besaut	17
Seberang Perak	4

Operasi ini masih diteruskan.

(3) *Pagar Elektrik*

Kebanyakan kawasan-kawasan ladang telah dibuka di pinggir-pinggir hutan berdekatan tempat kediaman gajah-gajah. Oleh kerana terdapat sumber makanan yang mudah di kawasan ladang-ladang tersebut, maka gajah-gajah akan masuk dan memusnahkan tanam-tanaman. Satu usaha yang telah dibuat adalah dengan membina pagar-pagar elektrik. Nampaknya cara ini amat berkesan sekali untuk menghalang gajah-gajah dari masuk ke kawasan tanaman. Ladang-ladang FELDA dan ladang-ladang swasta yang besar hampir semuanya mempunyai pagar elektrik.

Lebih dari 1,000 km pagar elektrik telah dipasang mengelilingi kawasan-kawasan pertanian di Semenanjung Malaysia untuk melindungi kawasan ini dari serangan gajah liar. Setakat ini, kejayaan yang telah dicapai ialah 90%.

(4) *Tembak Mati*

Bagi gajah-gajah yang sangat liar dan sering mengganggu ketenteraman dan keselamatan jiwa penduduk-penduduk, maka langkah yang terakhir yang akan diambil adalah dengan menembak mati gajah tersebut. Langkah ini diambil jika sudah tiada lagi jalan yang dapat dilakukan untuk menyelamatkan gajah tersebut.

Bilangan gajah-gajah liar yang telah ditembak mati antara tahun 1960-1969 ialah 73 ekor dan dari tahun 1970-1982 ialah sebanyak 15 ekor.

(5) *Pembinaan Parit-parit*

Cara ini telah pun dijalankan pada tahun-tahun tujuh puluhan dahulu dengan membina parit yang dalam di keliling satu kawasan tanaman. Didapati cara ini tidak begitu berkesan kerana parit-parit ini akan runtuh dan menjadi cetek bila hujan turun. Oleh itu, cara ini tidak dipraktikkan lagi.

Berkenaan dengan cadangan untuk menempatkan semua gajah-gajah liar di negeri Perak di dalam sebuah kawasan, usaha-usaha telah dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar ialah seperti yang saya telah sebutkan tadi, iaitu translokasi (translocation).

Setakat ini gajah-gajah liar yang dikeluarkan dari tempat asalnya telah dipindahkan ke kawasan yang lebih luas dan selamat seperti di Taman Negara, Ulu Perak dan sebilangan kecil ke kebun-kebun binatang seperti Zoo Negara, Johor Safari Park dan sebagainya.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebagaimana kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa usaha-usaha telah dijalankan bagi menghindarkan gajah iaitu dengan wayar elektrik, perparitan dan juga ditembak bagi mengelakkan tanaman-tanaman dan juga mengganggu ketenteraman dan juga mengancam keselamatan. Ada gajah yang dikeluarkan daripada hutan itu anak gajah. Jadi, ini adalah menyebabkan gajah-gajah ini mengamuk—ibu gajah yang kehilangan anak itu mengamuk. Adakah ini satu daripada tindakan Kerajaan untuk menghindarkan daripada ancaman, ketenteraman dan keselamatan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu mengulangi soalan tambahannya.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, sudah lainlah sedikit bunyinya (*Ketawa*). Pernah pihak Kerajaan mengeluarkan anak gajah daripada hutan, ibunya tinggal di dalam hutan seperti yang berlaku di Gunung Besaut baru-baru ini. Apakah tindakan Kerajaan, adakah ini menjauhkan dari keselamatan dan ancaman kerana ibu gajah akan mengamuk.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, seperti saya sudah jawab di dalam jawapan saya sebentar tadi, kita ada beberapa cara. Kita akan menggunakan renjer-renjer untuk menghalau atau menangkap anak-anak gajah itu dan dibahagi ke kebun-kebun binatang seperti Zoo Negara, Johor Safari, dsb.

Tuan Yang Dipertua: Soalnya mengapakah anak gajah itu dipindahkan, yang ibu dan bapa gajah tidak dipindahkan. Itu soalnya.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang Dipertua, semuanya akan dipindahkan (*Ketawa*).

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian ini, satu daripadanya ialah tembak halau. Jadi, saya ingin bertanya setakat ini cukupkah unit-unit pasukan tembak halau ini bagi kepentingan ataupun untuk menjaga keselamatan gangguan gajah di seluruh negara.

Soalan yang kedua, satu daripada langkah juga telah diambil iaitu yang berkesan dengan cara mengadakan pagar elektrik. Jadi, saya ingin

bertanya, apakah langkah-langkah keselamatan supaya pagar elektrik ini pula tidak memabitkan ataupun mengganggu keselamatan binatang-binatang yang lain ataupun manusia. Kita hendak selamat daripada gajah, takut manusia pula kena karan elektrik dan sebagainya. Apakah langkah-langkah keselamatan bagi mengelak supaya tujuan atau objektif untuk mengawal gajah ini dapat dicapai dengan tidak mengganggu keselamatan atau mengancam nyawa makhluk-makhluk yang lain.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang pertama. Renjer-renjer Unit Gajah yang ada adalah mencukupi.

Bagi menjawab soalan tambahan yang kedua mengenai pagar elektrik, dengan adanya papan-papan tanda yang menunjukkan ini adalah pagar elektrik dan juga kuasa pagar elektrik itu adalah sangat kecil, ianya tidak akan membahayakan nyawa manusia.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa kajian yang dibuat oleh pihak Kementerian berhubung dengan masalah pagar elektrik itu berkesan. Tetapi pagar ini cuma kepada ladang-ladang yang besar. Bagaimana pula dalam masalah tanaman-tanaman orang kampung yang mana kita tahun tanaman-tanaman orang kampung itu masa yang kita hendak adakan pagar elektrik bahkan kawasan kampung sendiri pun tidak ada elektrik. Kerana gajah sekarang ini sudah zaman sains teknologi dia tahu, ladang yang besar-besar dia tidak pergi makan, dia tahu taukehnya itu orang kaya, jadi dia tidak hendak pergi, dia pergi ke ladang yang kecil-kecil sahaja, pokok pisang, pokok tebu, itu sahaja. Jadi, apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini?

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang Dipertua, tadi saya ada mengatakan pagar elektrik untuk ladang-ladang besar atau ladang FELDA sahaja. Untuk ladang-ladang yang di kampung-kampung atau ladang-ladang kecil kita menggunakan cara tembak halau.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Setiausaha Parlimen tadi menyatakan ada lebih kurang 5 cara untuk mengelakkan gajah-gajah ini daripada mengancam penduduk dan membinasakan tamaman termasuklah membuat parit keliling kawasan, pagar elektrik, tembak halau, translokasi dan sebagainya. Di tempat saya pagar elektrik sudah tidak berkesan. Gajah ini pandai, seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Matang tadi, gajah sekarang ini sudah pandai, dihempakkannya pagar elektrik dengan kayu gajah-gajah itu pun masuk ke dalam kawasan tersebut dan akibatnya beratus-ratus ekar kelapa sawit dibinasakan. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah ada sesuatu jaminan supaya gajah-gajah ini yang dipindahkan ke kawasan-kawasan Taman Negara ataupun masuk jauh ke dalam hutan belantara itu tidak kembali ke kawasan-kawasan asal mereka.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, renjer-renjer kita akan berusaha menjaga dan menjamin gajah-gajah ini tidak kembali ke tempat yang asalnya.

Tuan Yang Dipertua: Renjer-renjer akan menjamin (*Ketawa*).

MATAWANG MALAYSIA

6. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang tegas telah

diambil oleh Kementerian beliau untuk menghindar dan menyekat matawang Malaysia dibawa keluar dengan cara senyap-senyap lebih daripada apa yang dibenarkan oleh Kerajaan dan berapakah edaran wang keluar negeri melalui saluran rasmi yang telah berlaku pada tahun 1983.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan kawalan pertukaran wang mengenai import dan eksport wang kertas Malaysia oleh pelawat-pelawat dan pelancong-pelancong telah dilonggarkan mulai daripada 24hb Mei, 1982 yang lalu. Maka dengan kelonggaran ini pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong ini adalah dibolehkan membawa seberapa banyak wang kertas Malaysia bersama mereka sewaktu keluar dari negara ini. Maka oleh itu keluaran wang kertas negara dari negeri kita ini secara senyap-senyap tidak timbul lagi.

Dalam pada itu pula kebenaran dari Pengawal Pertukaran Asing masih diperlukan bagi mengeksport wang kertas Malaysia melalui apa juga cara selain daripada melalui pelawat-pelawat itu sendiri. Jumlah matawang kertas Malaysia yang telah dieksport keluar negeri melalui saluran rasmi ini di antara bulan Mei, 1982 yakni sejak kelonggaran ini dibuat sehinggalah bulan Disember, 1982 adalah sebanyak \$990,000.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri iaitu adakah Kementerian Kewangan ini sedar bahawa salah satu daripada sebab berlakunya banyak pengedaran wang negara kita keluar negeri dengan secara yang kita tidak sedar terutamanya ke negara jiran seperti Singapura ialah disebabkan oleh berlakunya begitu banyak ataupun begitu jauh perbezaan harga barang, perbezaannya begitu ketara

harga barang antara negara kita dengan negara tersebut termasuk barang-barang yang telah dikecualikan daripada cukai, misalnya seperti kamera, radio, alat-alat elektrik dan sebagainya. Jadi, barang-barang ini oleh kerana negara jiran itu harganya lebih murah maka banyakkah pelawat-pelawat daripada negara kita pergi ke situ untuk mendapatkan barang-barang tersebut. Jadi, adakah Kerajaan ataupun Kementerian Kewangan mempunyai langkah-langkah untuk mengawal harga barang-barang yang telah dikecualikan daripada cukai ini supaya harganya di negara kita tidak jauh berbeza dengan negara jiran.

Tuan Yang Dipertua: Pada fikiran saya itu soalan lain.

PINJAMAN LUAR NEGERI— JUMLAH

7. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pinjaman luar negeri yang masih ditanggung oleh Kerajaan sekarang;
- (b) memberikan pecahan-pecahan pinjaman tersebut mengikut sektor-sektor; dan
- (c) memberikan pecahan-pecahan pinjaman berkenaan mengikut Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, jumlah pinjaman luar negeri yang masih ditanggung oleh Kerajaan pada masa ini adalah sebanyak \$14,092.94 juta. Pinjaman ini dibahagikan kepada sektor-sektor berikut:

	<i>Juta</i>
(1) Pembangunan Am ..	\$10,000.71
(2) Pengangkutan dan Perhubungan	\$ 1,122.74
(3) Pertanian	\$ 981.11

	<i>Juta</i>
(4) Tenaga	\$ 701.43
(5) Pertahanan	\$ 627.45
(6) Kemudahan Awam ..	\$ 343.95
(7) Pelajaran	\$ 201.94
(8) Pembangunan Perusahaan .	\$ 95.04
(9) Kesihatan	\$ 18.57
	\$14,092.94

Pinjaman-pinjaman juga boleh dipecahkan mengikut negeri yakni berjumlah \$285.6 juta dan secara terperinci adalah seperti berikut. Pecahan Pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia:

Sabah \$39,182,132.79 sen.

Tuan Yang Dipertua, saya ada lagi angka-angka di sini Sarawak, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan, yang berjumlah semuanya \$249,682,695.49 sen, tetapi rasa saya memadailah apa yang saya berikan tadi. Kalau hendak boleh saya bacakan.

Tuan Yang Dipertua: Memadailah.

(Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun).

Tuan Yang Dipertua: Belum lagi, belum habis lagi *(Ketawa)*.

Tuan Sabbaruddin Chik: Pecahan pinjaman daripada Bank Dunia: Negeri Selangor—Projek Bekalan Air I dan II—\$27,887,500.00. Negeri Kelantan—Projek Takdir—\$8,051,257.57 sen. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah cara yang akan digunakan oleh Kerajaan supaya dapat membayar semua pinjaman yang ditanggung oleh Kerajaan dan apakah rancangan

jangka panjang yang akan dicatatkan negara kita sebuah negara yang berdikari.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, pinjaman-pinjaman ini adalah bagi kegunaan projek-projek pembangunan. Hasil dari projek-projek itu akan digunakan untuk membayar kembali pinjaman-pinjaman yang telah dibuat.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Apakah amaran untuk Debt Servicing bagi tahun 1982, 1983 dan berapakan projek-projek pembangunan yang disebutkan tadi.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, bagi tahun 1983, saya belum lagi dapat memberi sebab belum habis tahun lagi, sebahagian daripadanya akan disentuh oleh Yang Berhormat Mulia di dalam ucapannya sewaktu membentangkan Belanjawan nanti tetapi bagi tahun 1982 Debt Servicing kita lebih kurang 12%.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan beliau tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan jumlah pinjaman yang kita perolehi daripada luar negeri dan tujuan-tujuan pinjaman itu diperolehi, jadi saya ingin tanya sama ada negara kita pernah memberi pinjaman kepada negara-negara lain. Jika ada, kalaulah Yang Berhormat ada angka di sini, berapakah jumlah dan nilainya dan apakah bentuk pinjamannya dan juga apakah tujuan pinjaman ini diberi.

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu tidak berbangkit.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan berapakah jumlah pembayaran balik pinjaman wang yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi dan mengikut jawapan yang diberikan tadi berkenaan dengan Debt Servicing ratio yang 12% ini

adakah ini yang berhampiran kepada paras 20% yang boleh menjadi satu "psychological" barrier, dengan izin. Adakah ini menunjukkan Bank Dunia akan berasa enggan untuk memberi pinjaman lagi kepada kita kalau kita sampai paras 20%.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Kalau Debt Servicing ratio dia sampai 20% agak tinggi maka itulah Perbendaharaan telah membuat beberapa rancangan-rancangan supaya perbelanjaan bagi seluruh negara itu dikurangkan, sebagai misalannya kita tahu beberapa projek-projek yang mahal-mahal sama ada dilewatkan sedikit ataupun ditangguhkan dahulu. Alhamdulillah, dengan cara yang sedemikian kita telah berupaya mengurangkan ratio ini pada paras yang agak munasabah dan kita percaya pada tahun hadapan ratio itu akan lebih berkurangan lagi dan ini telah pun mendapat persetujuan secara tidak langsung oleh pihak IMF.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan bayaran balik bagi tahun 1982 adalah kira-kira \$3.9 billion, barangkali bagi tahun 1983 \$4.805 billion.

Tuan Yang Dipertua: Soalan yang penghabisan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari pinjaman luar negeri yang berjumlah lebih kurang \$14 billion ini berapakah merupakan pinjaman projek iaitu dari agensi-agensinya antarabangsa dan berapakah merupakan pinjaman-pinjaman pasaran iaitu dari bank-bank dan institusi-institusi kewangan swasta di dunia dan adakah kadar bunga dari pinjaman pasaran itu jauh lebih tinggi daripada kadar bunga dari pinjaman projek.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, daripada \$14,092 juta tadi sebanyak \$10,000.71 juta pinjaman pasaran luar atau market loan. Pinjaman bilateral sebanyak \$1,579.11 juta; pinjaman dari Bank Dunia \$1,161.47 juta; pinjaman kredit pembekal—pembeli \$585.94 juta. Pinjaman daripada Asian Development Bank (ADB) \$765.71 juta. Ini menjadikan \$14,092.94 juta.

Berkenaan dengan faedah, Tuan Yang Dipertua, faedah-faedah ini berbeza daripada satu pinjaman dengan satu pinjaman yang lain. Sebagai misalnya Bank Dunia memberi pinjaman dengan kadar faedah di antara 5% sehingga 11%.

Selain daripada faedah-faedah seperti itu ada juga tempoh pelepasan sebanyak 3 tahun daripada purata dan tempoh bayaran balik puratanya 13 tahun. Kemudian dikenakan pula bayaran komisyen sebanyak $\frac{3}{4}$ % dan front and fee sebanyak 1.5%.

Dari Bank Pembangunan Asia (ADB) faedahnya daripada 6.875% sehingga 11%. Pelepasannya selama 5 tahun, bayaran balik selama 15 tahun. Selain daripada itu dikenakan juga bayaran komitmen sebanyak 3.4% pinjaman bilateral ertinya pinjaman dengan negara yang kita berunding secara langsung seperti negara Jepun ataupun Negara Perancis. Ini juga berbeza. Jepun misalnya memberikan faedah sebanyak 4%, pelepasan 7 tahun, bayaran balik selama 18 tahun.

Daripada Exinc Bank (Jepun juga) 5.7% sehingga 7.25%, tempoh pelepasan 5-8 tahun, tempoh bayaran balik 10 sehingga 13 tahun dan dikenakan bayaran komitmen sebanyak $\frac{1}{2}$ %.

Daripada negeri Perancis, ini merupakan Government Treasury Loan, faedahnya rendah—di antara 2.5% sehingga 3.5%, tempoh

pelepasan 10 tahun, tempoh bayaran balik di antara 15-30 tahun, tak ada dikenakan bayaran apa-apa.

Daripada United Kingdom, Government Loan free—percuma tak ada dikenakan apa-apa faedah, tetapi kalau export credit dikenakan 7.57% sehingga 10.5% tempoh pelepasan 6 bulan, bayaran balik 10 tahun, dikenakan financial charges sebanyak 3.375% lebih kurang $\frac{1}{3}$ %.

Dari Italy mengikut kadar yang dikenakan oleh OECD, pelepasannya 2 tahun, tempoh bayaran balik 5-8 $\frac{1}{2}$ tahun kena bayar komitmen.

Daripada Amerika Syarikat faedah dikenakan 11%-13%. Daripada Germany 2%-8.75%, tempoh pelepasan 61 bulan sehingga 8 tahun, bayaran balik 20 tahun.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 8 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

LPN—MEMBEKALKAN BERAS CHINA

8. **Tuan Chan Kok Kit** meminta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar LPN membekalkan pemborong-pemborong, beras China yang kurang mutu dan juga beras yang dibekalkan itu adalah jauh kurang dari kuota yang ditetapkan, jika ia, apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Mengenai beras China yang dikatakan itu, adalah dimaklumkan bahawa memang ada di dalam simpanan LPN pada 15-9-1983 sebanyak 39,390 tan metrik beras China lama yang telah diimport

dalam tahun 1977 dan 1978 iaitu baki daripada sejumlah 251,060 tan metrik yang telah dibeli.

Malangnya Beras China tersebut telah tidak mendapat pasaran di negara ini oleh kerana tidak diminati oleh pemborong-pemborong dan juga pengguna-pengguna. Tindakan telah diambil oleh LPN bagi membersihkan dan mengisar semula beras tersebut sebelum dijual di pasaran. Tetapi oleh kerana beras tersebut sudah lama tersimpan, mutunya masih juga kurang baik walaupun telah dibersihkan.

Maka sesuai dengan kualitinya yang agak rendah, harga beras China ini telah diturunkan iaitu dari harga jualan antara \$71.93-\$75.22 bagi tiap-tiap 100 kg mengikut zon, kepada paras harga beras contoh atau sample grade di antara \$50.93-\$54.22 bagi 100 kg mengikut zon.

Pada beberapa ketika dahulu, LPN memang telah mengenakan syarat kepada pemborong untuk membeli satu quota beras China ini bersampingan dengan pembelian beras biasa oleh pemborong-pemborong. Walau bagaimanapun, tindakan ini telah diberhentikan oleh kerana didapati tidak sesuai dilaksanakan.

Pada masa ini beras tersebut hanyalah dijual apabila mana-mana pemborong berminat untuk membeli dan tidak ada quota atau paksaan dikenakan.

Untuk makluman, di antara Januari-September 1983, hanya sebanyak 6,410 tan metrik beras China itu telah dibeli oleh pemborong-pemborong.

Berkaitan dengan dakwaan bahawa beras yang dibekalkan adalah jauh kurang dari kuota yang ditetapkan, sukacita dijelaskan di sini bahawa jualan beras tidak dibuat mengikut

kuota tetapi berdasarkan kepada permintaan dan bekalan stok beras. Oleh sebab bilangan pemborong beras adalah ramai, maka bekalan beras yang dijual terpaksa diagih-agihkan supaya mereka semua mendapat bekalan yang diperlukan.

PULAU KECIL AMBOYNA— PENDUDUKAN VIETNAM

9. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Luar bagi memastikan Pulau Kecil Amboyna (Amboyna Bay) yang sekarang ini sedang diduduki oleh tentera Vietnam akan diserahkan kembali kepada Malaysia. Dan jika pihak Vietnam tidak mahu juga meninggalkan pulau ini adakah langkah-langkah ketenteraan akan digunakan untuk menghalau mereka dari pulau itu.
- (b) selain dari Pulau Spartyly bagaimanakah kedudukan Pulau-pulau Own Shoal, Rifleman Bank dan Commodore Reef adakah pihak Kementerian akan mengesahkan bahawa pulau-pulau itu adalah kepunyaan Malaysia; dan
- (c) tidakkah dengan sikap Vietnam membantah kehadiran tentera Malaysia di Terumbu Layang-Layang telah menggugat sedikit sebanyak Konsep Rantau Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) khasnya di Lautan China Selatan.

Timbalan Menteri Luar Negeri Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya memohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit

Buntar itu bersama-sama dengan soalan-soalan lain daripada Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 12hb Oktober, soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda pada 18hb Oktober, soalan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 19hb Oktober, soalan Ahli Yang Berhormat dari Pontian pada 24hb Oktober, soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 26hb Oktober, soalan Ahli Yang Berhormat dari Jerantut pada 2hb November, dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 1hb Disember yang mana soalan-soalan mereka adalah sama atau bertujuan sama seperti soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar.

(a) Sebagai menjawab soalan ini, langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia termasuklah bantahan kepada Kerajaan Vietnam terhadap pendudukan tenteranya di Pulau Kecil Amboyna. Malaysia juga telah meminta Vietnam menarik balik tenteranya dari Pulau Kecil tersebut. Adalah menjadi hasrat dasar Malaysia untuk menyelesaikan isu ini secara rundingan. Sementara ini Kerajaan Vietnam juga telah memaklumkan hasratnya untuk menyelesaikan perselisihan ini secara aman melalui rundingan. Persetujuan ini telah diulangi baru-baru ini semasa perjumpaan Menteri Luar Malaysia Y.B. Tan Sri Ghazali Shafie dengan rakan sejawatnya Menteri Luar Vietnam, Encik Nguyen Co Thach di New York pada 3hb Oktober, 1983.

(b) Antara pulau-pulau dan terumbu yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, cuma Terumbu Laksamana (Commodore Reef) adalah kepunyaan Malaysia;

Mengenai soalan (c) pula, kehadiran Malaysia di Terumbu Layang-Layang adalah selaras dengan hak kedaulatan negara kita ke atas terumbu tersebut. Oleh yang demikian, tindakan kita ini tidak ada apa-apa implikasi ke atas usaha kita untuk meneruskan Konsep Rantau Aman, Bebas dan Berkecuali bagi Asia Tenggara. Sehubungan dengan sikap Vietnam itu, ingin saya nyatakan bahawa Vietnam, dalam tahun 1980, telah menerima Konsep Rantau Aman, Bebas dan Berkecuali sebagai asas untuk membincangkan soal keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara. Penerimaan ini dan juga kenyataan Vietnam untuk menyelesaikan semua perselisihan yang wujud mengenai pulau-pulau dan terumbu tersebut melalui perundingan adalah diharapkan satu tanda bahawa sikapnya membantah kehadiran Malaysia di Terumbu Layang-Layang tidak akan menjejaskan usaha bagi meneruskan Konsep Rantau Aman, Bebas dan Berkecuali.

Mengenai had "Zon Eksklusif Ekonomi" pula ingin saya nyatakan bahawa kita telah pun membuat pengisytiharan rasmi mengenai had zon kita itu selaras dengan Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa.

ANGKATAN TENTERA— PEGAWAI/GURU AGAMA

10. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramaikah bilangan pegawai-pegawai dan guru-guru agama Angkatan Bersenjata mengikut pasukan dan taraf perkhidmatan masing-masing. Apakah

dasar pengambilan guru-guru agama itu dan nyatakan sejauh manakah TUGAS yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Untuk memberi bilangan pegawai-pegawai dan guru agama yang dikenali sekarang sebagai Pembantu-Pembantu Hal Ehwal Agama Islam mengikut tiap pasukan dalam Angkatan Tentera agak sukar, memandangkan jumlah pasukan dan unit banyak serta perjawatan dan pegangan yang berbeza di antara pasukan unit-unit ini. Oleh yang demikian, saya mohon izin Tuan Yang Dipertua untuk memberi jumlah bilangan Pegawai-Pegawai dan Pembantu-pembantu Hal Ehwal Agama secara keseluruhan sahaja.

Bilangan Pegawai dan Pembantu Hal Ehwal Agama yang sedang berkhidmat sekarang serta taraf perkhidmatan masing-masing adalah seperti berikut:

<i>Jawatan</i>	<i>Bilangan</i>
a. Penolong Pengarah (A 24) . .	1
b. Pegawai Hal Ehwal Agama Islam (Kod Gaji A 22)	8
c. Pembantu Hal Ehwal Agama Islam Tingkatan Kanan (C 3)	64
d. Pembantu Hal Ehwal Agama Islam Tingkatan Biasa (C 11)	158
e. Imam (D 11)	78
f. Bilal (D 19-1)	62
	371

Dasar pengambilan kakitangan agama ini adalah berdasar kepada kelulusan yang ditetapkan oleh kerajaan bagi sesuatu jawatan itu. Di samping itu kualiti-kualiti peribadi seseorang calon itu juga diambilkira.

Berkenaan dengan tugas dan tanggungjawab mereka ini ianya termasuklah seperti berikut:

- (a) Memberikan didikan rohani serta menanam semangat keislaman di dalam setiap jiwa anggota tentera serta keluarga.
- (b) Mentadbir semua urusan agama di dalam pasukan.
- (c) Mengendalikan semua upacara agama di dalam dan di luar pasukan.
- (d) Menjadi penasihat kepada panglima-panglima dan pegawai-pegawai memerintah mengenai hal ehwal agama.
- (e) Menjadi orang tengah di antara pejabat agama tempatan dengan pasukan.
- (f) Membantu pegawai-pegawai memerintah menyelesaikan masalah keluarga dan lain-lain lagi.

DASAR PANDANG KE TIMUR

11. Tuan Ban Hon Keong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa jumlah projek yang telah diberikan kepada orang-orang Jepun dan Korea sejak tahun 1982 di bawah Dasar "Pandang ke Timur" dan juga jumlah wang yang perlu dibelanja;
- (b) tidakkah perbelanjaan wang yang sebanyak ini akan memburukkan lagi keadaan ekonomi negara kita, khasnya semasa kemelesetan ekonomi sekarang ini; dan
- (c) adakah dasar ini dijangka diamalkan untuk sementara beberapa tahun sahaja ataupun berkekalan untuk berpuluh-puluh tahun akan datang.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Setakat ini tidak ada projek-projek yang diberikan kepada orang-orang Jepun dan Korea di bawah Dasar "Pandang Ke Timur". Dasar "Pandang Ke Timur" ini tidak ada kaitannya dengan pemberian kontrak-kontrak kepada firma-firma Jepun, dan Korea. Projek yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor Jepun, Korea atau negara-negara lain adalah berasaskan kepada aturcara dan amalan perolehan Kerajaan yang mementingkan tawaran terbaik semasa pemilihan.
- (b) Perbelanjaan-perbelanjaan bagi projek-projek sama ada yang dijalankan oleh firma Jepun atau Korea atau firma-firma antarabangsa yang lain tidak akan memburukkan keadaan ekonomi negara. Sebaliknya, ianya akan membawa munafaat kepada negara ini terutamanya dari segi pertumbuhan ekonomi negara ini secara langsung dan tidak langsung.
- (c) Dasar "Pandang Ke Timur" ini akan terus diamalkan tanpa jangkamasa-jangkamasa tertentu.

PELAJARAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

19. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan mengenai taraf pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita. Adakah pelajar-pelajar Kerajaan kita yang dihantar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran tinggi boleh mengikut pelajaran-pelajaran yang diajar dalam medium Bahasa Inggeris. Apakah langkah-langkah pihak Kementerian untuk meningkatkan taraf pengajaran dan pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Pengajaran Bahasa Inggeris yang sedang dijalankan di sekolah-sekolah pada masa ini adalah memuaskan. Hasilnya dapat dilihat melalui pencapaian dan keupayaan murid-murid menguasai Bahasa Inggeris meningkat sedikit demi sedikit dari setahun ke setahun. Bagaimanapun taraf pencapaian Bahasa Inggeris sebagai salah satu mata pelajaran sahaja di dalam kurikulum sekolah hari ini tidak perlu dibandingkan dengan keadaan Bahasa Inggeris sebelum merdeka. Pada ketika itu Bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar utama untuk semua mata pelajaran di dalam kurikulum sekolah.

Pelajar-pelajar yang dihantar untuk menuntut di luar negeri khususnya di negeri-negeri yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di dalam institusi-institusi pelajaran tinggi, mereka tidak mengalami banyak masalah. Ini adalah kerana sebelum mereka masuk ke sesebuah universiti di seberang laut mereka dikehendaki menduduki ujian Bahasa Inggeris sepertimana yang disyaratkan oleh sesebuah Institusi berkenaan. Hanya mereka yang lulus dalam ujian ini sahaja akan dibenarkan meneruskan pelajaran mereka di seberang laut. Mereka yang gagal ujian ini akan diberi kursus intensif Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya 6 bulan sehingga pelajar-pelajar ini dapat melayakkan diri untuk mengikuti kursus-kursus di seberang laut melalui Bahasa Pengantar Bahasa Inggeris.

Kementerian Pelajaran juga sedang berusaha mengukuhkan lagi pengajaran Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah rendah dan menengah atas dengan

menjalankan beberapa projek seperti berikut:

- (1) Projek Bacaan Bahasa Inggeris (English Language Reading Project—ELRP).
- (2) Projek Listening and Comprehension.
- (3) Projek pengambilan guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom melalui the Centre for British Teachers (CFBT) untuk ditempatkan ke sekolah-sekolah yang lemah pencapaian Bahasa Inggeris untuk mengerdalakan pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah tertentu. Melalui projek ini juga diadakan satu projek "Peralihan pengalaman" ini guru-guru CFBT kepada guru-guru Bahasa Inggeris tempatan. "Peralihan pengalaman" ini meliputi bukan sahaja dari segi teknik pengajaran bahkan juga cara-cara menyedia, menggunakan dan menilai bahan-bahan pengajaran untuk kegunaan pengajaran Bahasa Inggeris.
- (4) Kemampuan kebolehan mengajar guru-guru Bahasa Inggeris sentiasa dipertingkatkan sebagai bahasa melalui kursus-kursus TESL/TEFL sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri. Guru-guru yang menghadiri kursus-kursus ini pula apabila balik nanti akan menganjurkan kursus TESL/TEFL di peringkat daerah dan negeri untuk guru-guru yang lain. Ini merupakan satu projek "Multiplying Effect", di dalam usaha meramaikan lagi guru-guru yang betul-betul layak mengajar Bahasa Inggeris.

DASAR PENSWASTAAN

13. Tuan Mamat Ghazalie bin Abd. Rahman minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan Kerajaan telah memberi kepercayaan dan peluang yang lebih luas kepada sektor swasta melalui konsep penswastaan, adakah Kerajaan bercadang mewujudkan apa-apa konsep atau mengadakan apa-apa langkah bagi meningkat dan memperluaskan lagi peranan, kerjasama dan sumbangan Sektor Swasta kepada Sektor Awam, serta mewujudkan etiket dan amalan-amalan yang lebih murni di kalangan sektor swasta.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan tidak bercadang mewujudkan apa-apa konsep baru di bawah dasar penswastaan kerana seiring dengan konsep penswastaan ini, Kerajaan telah pun mengumumkan konsep pensyarikatan Malaysia yang bertujuan untuk membina satu suasana kerjasama dan etika kerja yang positif di kalangan kedua-dua sektor awam dan swasta.

PENUNTUT BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA DI UNIVERSITI

14. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan penuntut-penuntut bukan Bumiputera yang masuk ke kelima-lima universiti yang sedia ada sekarang bagi penggal akademik 1982-83 dan apakah pecahan peratusan penuntut-penuntut Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi setiap universiti yang sedia ada sekarang.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bilangan kemasukan penuntut-penuntut Bukan Bumiputera ijazah pertama ke lima-lima universiti tempatan sesi 1982/83 ialah seramai 2,552 orang.

Pecahan peratusan kemasukan sesi tersebut bagi ke lima-lima Universiti ialah seperti berikut:

KEMASUKAN KE KURSUS IJAZAH

<i>Universiti</i>	<i>Bumi</i>	<i>Bukan Bumi</i>
Universiti Malaya	50.0%	50.0%
Universiti Kebangsaan Malaysia ..	65.2%	34.8%
Universiti Sains Malaysia ..	51.0%	49.0%
Universiti Pertanian Malaysia ..	68.3%	31.7%
Universiti Teknologi Malaysia ..	72.2%	27.8%
JUMLAH ..	58.3%	41.7%

Dengan ini memberikan kedudukan 58.3% Bumiputera dan 41.7% Bukan Bumiputera.

MAJLIS PENASIHAT KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

15. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah komposisi Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Kebudayaan dan siapakah ahli-ahlinya sekarang. Apakah kriteria dan prosedur untuk memilih ahli-ahli ini. Adakah Kementerian beliau bercadang untuk memperluaskan keahlian majlis ini supaya menjadi lebih "representative". Apakah tugas-tugas Majlis ini dan berapa kerap ianya bermesyuarat. Apakah langkah-langkah konkrit yang lain yang akan diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan penyertaan badan-badan dari kaum-kaum yang berlainan dalam proses membincang dan memperkembangkan Kebudayaan Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan (MPKBBK) mempunyai 25 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai kaum yang dilantik oleh Menteri untuk tempoh dua tahun bagi tiap-tiap satu penggal. Setakat ini Kerajaan belum

bercadang untuk memperluaskan lagi jumlah keanggotaannya kerana bilangan 25 orang itu dikira sudah cukup bersifat "representative". Soal pokok yang penting perlu dijelaskan ialah bahawa perlantikan mereka bukanlah berasaskan perwakilan mana-mana pertubuhan sama ada politik atau keilmuan serta disiplin masing-masing yang berhubung rapat dengan matlamat pembinaan Kebudayaan Kebangsaan. Namun demikian, pertimbangan khusus diberikan dalam konteks penyertaan dan penglibatan semua kaum di dalam keanggotaannya.

3 Tugas utama MPKBBK adalah:

- (a) Untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan memberikan fikiran, pandangan, nasihat dan syor-syor kepada Menteri mengenainya.
- (b) Untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan kebudayaan amnya dan memberikan fikiran, pandangan, nasihat dan syor-syor kepada Menteri mengenainya.
- (c) Untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan penyertaan semua kaum dalam pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan memberikan fikiran, pandangan, nasihat dan syor-syor kepada Menteri mengenainya.

Bagi melaksanakan tugas-tugas di atas serta untuk mencapai matlamatnya, Majlis mengadakan mesyuarat di antara dua hingga tiga kali setahun dan juga pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Pengerusinya.

Pada masa ini Penggal Ke-3 MPKBB telah pun tamat, dan Kementerian sedang dalam proses membuat perlantikan ahli-ahli bagi penggal Ke-4. Dalam proses ini ahli-ahli lama yang difikirkan boleh menyambungkan khidmat bakti mereka kepada Majlis boleh dilantik semula. Anggota-anggota Majlis bagi penggal ke-3 adalah seperti berikut:

1. Yang Berbahagia, Prof. Tan Sri Dato (Dr) Awang Had Salleh
2. Yang Berhormat, Abang Haji Ahmad Urai bin Dato' Hakim Abang Haji Mohideen
3. Yang Berhormat, Dato' Abd. Aziz bin Tapa.
4. Puan Azah Aziz.
5. Encik Chew Hock Thye.
6. Prof. Madya Chew Teng Beng.
7. Encik Dol Ramli.
8. Puan Sri Prof. Dr Fatimah Hamid Don.
9. Tuan Haji Hajeedar bin Abdul Majid.
10. Yang Berbahagia, Prof. Datuk Ismail Hussein.
11. Encik Hamdin Buyong.
12. Encik Krishen Jit.
13. Encik Lamri Ali.
14. Dr Laurence Siaw Kwee Ling.
15. Yang Berbahagia Tan Sri Lee Siow Mong.
16. Yang Berhormat, Dato' Leonard Linggi Jugah.
17. Encik Mazlan Nordin.
18. Prof. Dr Mohammad Haji Salleh.
19. Dr Mohamed Ghouse Nasaruddin.
20. Prof. Dr Mohd. Taib Osman.

21. Encik Mustapha Kamil Yassin.
22. Encik R. Rajoo.
23. Sahibul Samahah Datuk Sheikh Abdul Mohsein Haji Salleh.
24. Prof. Dr S. Singaravelu.
25. Dr Ting Chew Peh.

Mengenai langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan penyertaan badan-badan budaya dari kaum-kaum yang berlainan dalam proses membincang dan memperkembangkan Kebudayaan Kebangsaan, perkara ini sentiasa berlaku. Perjumpaan-perjumpaan dan perbincangan-perbincangan secara terbuka telah diadakan dengan badan badan kebudayaan kaum India dan Cina, dan didapati mendatangkan hasil yang baik. Perjumpaan-perjumpaan seperti itu akan terus diadakan dari semasa ke semasa.

PENDATANG HARAM INDONESIA/ FILIPINA

16. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang-pendatang haram atau "illegal immigrants" dari Indonesia dan Filipina di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah sekarang serta bilangannya termasuk "legal immigrants" sejak tahun 1963 hingga sekarang yang telah diberi taraf warganegara Malaysia dan menjelaskan berdasarkan kriteria-kriteria apakah mereka diberi taraf tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Kemasukan mana-mana warganegara asing tanpa dokumen perjalanan yang sah ke negara ini merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang Imigresen yang dikuatkuasakan sekarang. Oleh itu, pihak Kerajaan sedang dan akan terus mengambil tindakan tegas

mengikot undang-undang terhadap mereka dengan cara mengesan, menangkap, mendakwa dan menghantar balik pendatang-pendatang haram ke negara-negara asal mereka. Oleh yang demikian, penganugerahan taraf kerakyatan kepada mereka, sepertimana yang dibangkitkan oleh Y.B. Ahli dari Lambir itu tidak berbangkit sama sekali. Permohonan-permohonan mana-mana warganegara asing yang telah mendapat taraf penduduk tetap dan layak memohon untuk taraf kewarganegaraan, adalah diberi pertimbangan sewajarnya mengikut syarat-syarat dan keperluan dalam Perlembagaan Malaysia.

Adalah menjadi dasar Kementerian ini bahawa ianya tidak menyimpan rekod permohonan taraf kewarganegaraan mengikut keturunan atau negara asal mereka.

**MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18 MEMINDA RANG
UNDANG-UNDANG PERLEM-
BAGAAN—TARIKH PERKENAN
DIRAJA**

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk meminta izin supaya menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu demi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yakni krisis Perlembagaan yang telah tertimbul akibat Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang meminda Perkara 66 (5) untuk memperuntukkan kaedah perkenanan Diraja dianggap diperolehi selepas 15 hari sehingga kesemua lapan Rang Undang-undang yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang diadakan dalam bulan Julai dan Ogos lalu masih

belum lagi diperkenankan seperti terbukti oleh tiadanya pengumuman tradisional semalam, hari pertama mesyuarat ini, mengenai Rang Undang-undang yang telah diluluskan dalam mesyuarat Parlimen yang lalu yang telah diberi perkenanan Diraja oleh Yang di-Pertuan Agong.

Usul saya adalah berbunyi:

“Bahawa Majlis Mesyuarat ini melahirkan rasa pandang berat ke atas krisis Perlembagaan yang telah tertimbul akibat Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 untuk meminda Perkara 66 (5) mengenai Perkenan Diraja dan mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 diperkenalkan semula di dalam Parlimen dengan mematuhi sepenuhnya kehendak-kehendak Perlembagaan”.

Perkara ini adalah tertentu dan perlu disegerakan serta kepentingan orang ramai kerana;

Pertama, satu krisis Perlembagaan yang melibatkan ketidakupayaan semua Rang Undang-undang yang diluluskan oleh kedua-dua buah Majlis Parlimen daripada menjadi undang-undang kerana Perkenanan Diraja tidak diberi akan membantut segala proses perundangan, eksekutif dan pentadbiran; dan

Kedua, bahawa Parlimen sebagai Dewan perundangan yang tertinggi di dalam negara ini tidaklah boleh berpura-pura tidak mengendahkan kewujudan krisis Perlembagaan seumpama itu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menimbang dengan telitinya usul di bawah Perkara 18 (2) Peraturan Mesyuarat yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Satu faktor penting telah berbangkit—jika Rang Undang-undang itu belum lagi ditandatangani seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka Dewan ini tidak boleh mengambil keputusan buat masa ini bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan ditandatangani langsung.

Ini bermakna buat masa sekarang tidak ada kepastian Rang Undang-undang tidak akan ditandatangani sama sekali. Oleh sebab itu usul ini patut ditolak kerana salah satu syarat penerimaan Usul ini di bawah Perkara 18 (2) Peraturan Mesyuarat ialah termasuk perkara-perkara yang tertentu. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta

Bantuan Guaman 1971 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 14 (2) akan terus menimbangkan Perkara 4 di bawah Aturan Mesyuarat dan Usul-usul didahulukan daripada yang lain untuk persidangan hari ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 14 (2) akan terus menimbangkan Perkara 4 di bawah Aturan Mesyuarat dan Usul-usul didahulukan daripada yang lain untuk persidangan hari ini.

USUL

KOREAN AIR LINES DITEMBAK OLEH SOVIET UNION—KECAMAN

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini MENGECAM jenayah yang dahsyat dan bersifat pengecut yang dilakukan terhadap kemanusiaan oleh Soviet Union dalam tindakannya menembak jatuh secara kejam, buas dan "cold-blooded" sebuah kapal terbang

jumbo komersial Korea Selatan yang tidak bersenjata pada 1hb September, 1983 serta membunuh 269 penumpang yang berada di dalamnya termasuk seorang rakyat Malaysia, Siow Woon Kwong, berumur 23 tahun dari Muar yang sedang dalam perjalanan balik dari Amerika Syarikat setelah mendapat ijazah dalam bidang kejuruteraan elektrik dan sains komputer;

MENUNTUT supaya Soviet Union membuat satu pengakuan tanpa syarat mengenai jenayah yang dilakukan terhadap kemanusiaan serta meminta maaf dan membayar ganti rugi sepenuhnya kepada keluarga 269 mangsa-mangsa berkenaan; dan membenarkan suatu suruhanjaya antarabangsa menjalankan satu penyiasatan yang tidak terbatas ke dalam jenayah tersebut serta juga menyerahkan anggota-anggota ketenteraan Soviet yang bertanggungjawab atas jenayah tersebut kepada satu tribunal jenayah antarabangsa yang ditubuhkan khas untuk maksud tersebut.

MENYERU Kerajaan mengharamkan semua kapal-kapal Aeroflot dan Soviet Union selama dua minggu sebagai membantah pembunuhan kejam dan buas Soviet itu yang merupakan satu ancaman merbahaya terhadap kedamaian dan kestabilan dunia. (10hb Oktober, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Usul dibuka untuk perbahasan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan sekejap tadi semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kinta, Kerajaan memang pandang serius tentang perbuatan yang telah dilakukan oleh Soviet Union dengan menembak jatuh kapal terbang awam

Korea itu. Ini adalah satu perbuatan yang terkutuk, satu perbuatan yang tidak boleh dimaafkan, satu perbuatan yang tidak berperikemanusiaan dan satu perbuatan yang cukup-cukup zalim. Dan dalam hubungan ini dari awal-awal lagi Kerajaan, dalam beberapa kenyataan telah pun menyatakan perasaan kita itu. Jadi timbul sekarang bagaimanakah kita dapat bertindak supaya Soviet Union benar-benar dapat dihukum ataupun sekurang-kurangnya kita dapat menjamin ataupun yang mewujudkan suatu keadaan supaya kejadian seperti itu tidak berulang lagi. Kita semua tahu bahawa pihak Soviet Union telah pun menolak dengan mentah-mentah tuduhan dunia bahawa ianya bersalah. Pihak Soviet Union telah pun menyatakan bahawa tidak bersalah. Yang bersalah adalah Amerika Syarikat. Oleh itu kita terpaksa sebagai biasa pergi ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyatakan perasaan kita dengan lebih berkesan lagi.

Kerajaan telah pun memberi arahan kepada Wakil Tetap kita di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya mengambil tindakan yang serius, yang cergas untuk mengketengahkan perasaan kita itu. Oleh itu sungguhpun kita bukan menjadi ahli Security Council—Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu—kita telah dapat manoeuvre diri kita sehingga menjadi suatu penganjur bersama (co-sponsor) usul yang telah dibentangkan dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dan syukur Alhamdulillah dalam Majlis itu kita dan juga negara-negara lain telah pun dapat peluang menyatakan kemarahannya dan juga harapannya bagaimana kita dapat memaksa pihak Soviet Union mengaku salah membayar ganti rugi dan sebagainya. Malangnya sebagaimana kita tahu pihak Soviet Union sebagai Wakil Tetap Security Council telah pun mengenakan kuasa

vetonya maka dengan itu usaha kita di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pun gagal. Namun demikian tidaklah boleh dinafikan bahawa dengan adanya sokongan yang begitu besar di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu apa yang benar telah pun mendapat satu kemenangan moral (moral victory) dalam Pertubuhan tersebut. Maka kita terpaksa mencari suatu forum yang lain di mana kita dapat majukan lagi hasrat kita. Maka sampailah kita kepada ICAO (International Civil Aviation Organisation) iaitu persidangan di Montreal yang mana telah pun mengadakan persidangan tergepar dan dalam hubungan itu kita terpaksa sedikit sebanyak berunding banyak perundingan-perundingan "back room" dan kita telah dapat kemukakan beberapa usul di persidangan ICAO di mana di antaranya mengadakan penyiasatan sepenuhnya oleh ICAO dan juga meminta kerjasama dari semua pihak untuk menjayakan penyiasatan tersebut.

Jadi semua usul ini sudah pun diluluskan oleh pihak ICAO dan suatu Suruhanjaya bebas telah pun ditubuhkan dan Suruhanjaya ini telah melawat Korea, Jepun untuk mengutip berbagai-bagai bahan-bahan yang dijumpai dari kapal terbang itu dan sekarang ini kita sedang usaha mencari "the black box", jadi sudah tentulah semua ini perlu untuk kita menjalankan suatu penyiasatan rapi, penyiasatan memang sedang berjalan dengan secara penuh serius.

Begitu juga sidang ICAO itu telah pun meminta pihak Setiausaha Agung ICAO sendiri untuk membuat satu penyiasatan yang berasingan iaitu tentang setakat manakah negara-negara yang menjadi ahli ICAO itu telah mematuhi Chicago Convention. Chicago Convention adalah satu perjanjian antarabangsa yang sedikit sebanyak telah bersetuju dengan

berbagai-bagai peraturan-peraturan mengenai penerbangan awam dan juga keselamatan penerbangan awam. Jadi kita mahu tahu sama ada mana-mana negara yang menjadi ahli pertubuhan ICAO itu telah pun melanggar syarat-syarat tersebut sama ada Soviet Union, sama ada Amerika Syarikat sama ada Republik Korea dan sebagainya. Kita menunggu siasatan ini. Persidangan ICAO itu juga telah membuat satu keputusan iaitu untuk mengkaji dengan mendalam bagaimana Chicago Convention itu dapat diselidiki dan dikaji semula dan ditambah pula dengan berbagai-bagai peruntukan supaya penerbangan awam pada masa-masa hadapan dapat berjalan dengan lebih selamat lagi.

Tuan Yang Dipertua, di samping bertindak dengan cara itu kita terpaksa juga memikir apakah cara-cara lain dapat kita mengambil untuk menunjukkan perasaan marah kita itu. Kita tidak bolehlah tiap-tiap kali sesebuah negara buat sesuatu perkara yang tidak elok, kita hanya membuat kenyataan dan selepas itu negara itu datang pula kepada kita selepas 2-3 minggu dengan "straight face" dengan izin, seakan-akan tidak ada sesuatu berlaku dan meminta supaya kita mengadakan hubungan seperti sediakala.

Kita telah pun membatalkan lawatan pegawai kanan Soviet Union sebagaimana yang telah saya nyatakan, tetapi ada juga beberapa perkara yang lain yang sedang pun di peringkat akhir untuk dianjurkan oleh pihak Kedutaan Soviet, contohnya satu lawatan ballet dari Soviet Union, mengadakan satu Film Week, mengadakan satu pameran fotografi dan sebagainya. Ini semua kita telah meminta pihak Soviet Union tundakan sahaja kerana public opinion tidak akan mengizinkan kita mengadakan pertunjukan-pertunjukan itu.

Ringkasnya apa yang dikehendaki oleh usul pencadang iaitu untuk mengecam pihak Soviet Union sudah pun kita lakukan. Soal untuk menuntut supaya Soviet Union mengaku dan memberi penjelasan kepada masyarakat antarabangsa tentang tindak-tanduknya pun kita sudah lakukan, kita telah pun memanggil Duta Soviet sendiri dan menyampaikan ini secara rasmi.

Soal meminta pihak Soviet Union membayar ganti rugi pun kita sudah lakukan, saya sendiri dan juga menerusi forum antarabangsa. Tinggal soal mengharamkan pendaratan kapal-kapal Aeroflot sebagaimana yang dicadangkan oleh pencadang tadi. Jadi, Tuan Yang Dipertua, perkara ini sudah juga dikaji dengan mendalam oleh pihak Kerajaan, tetapi pihak Kerajaan haruslah berfikir kita ini tidaklah mahu menjadi hero tidak tentu hala tetapi kita hendak buat sesuatu supaya kita dapat membuat kesan yang dikehendaki. Jangan pula kita melebihi-lebih dari orang lain, nanti orang naik meluat pula. Jadi terpaksa kita berunding dengan negara-negara yang bersefahaman sama dengan kita dan dalam perundingan-perundingan itu ramai juga merasakan bahawa kita haruslah bersabar dan menunggu hasil penyiasatan Independent Commission tadi kerana kalau kita terlalu sangat dan selepas itu terdedah pula perkara-perkara yang lain, maka sudah tentulah pada masa itu mungkin telah terlewat sedikit. Dan keduanya pula kalau kita sahaja ban Aeroflot, kita sahaja boikot Aeroflot sedangkan kebanyakan negara-negara lain tidak mahu, maka tindakan kita juga tidak akan bererti dan tidak akan berkesan. Memandangkan itu semua maka kita sudah pun membuat satu keputusan supaya kita menunggu sahaja sebelum kita mengambil tindakan-tindakan lain.

Namun demikian, Tuan Yang Dipertua, dalam mengambil sebarang tindakan berhubung dengan isu-isu antarabangsa, Kerajaan rasa tidaklah wajar dan tidaklah bijak untuk kita melihat ataupun memperlihatkan isu-isu ini secara berasingan (in isolation). Ianya harus dipertimbangkan dari sudut beberapa kepentingan negara yang lain. Pihak kita sedia maklum dan jika ditinjau dari sudut keselamatan sebagaimana pihak pencadang banyak membangkitkan soal keselamatan negara dan ditinjau pula dari sudut kesejahteraan negara buat jangka panjang ataupun jangka pendek, maka kita tidak ada pilihan lain tetapi menerima dengan sebulat-bulatnya konsep ZOPFAN dengan Deklarasi Kuala Lumpur yang telah mengisytiharkan rantau ASEAN sebagai satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali. Deklarasi Kuala Lumpur ini adalah merupakan satu Deklarasi Hasrat (Declaration of Intent) yang merasa bahawa keselamatan rantau ASEAN dan kesejahteraan rakyatnya hanya akan terjamin dari segi jangka pendek dan jangka panjang jika rantau kita ini dapat dibebaskan, dapat didamaikan dan dapat dikecualikan dari sebarang sengketa ataupun persaingan politik kuasa-kuasa besar.

Dalam hubungan ini pula yang menjadi soal pokok dalam usaha menjadikan rantau ASEAN ini sebagai satu rantau aman, bebas dan berkecuali adalah dengan mewujudkan satu keadaan hubungan jarak-sama (equi-distance) dengan semua kuasa-kuasa besar. Dalam mewujudkan keadaan equi-distance ini pula memang kita tidak boleh lari dari kenyataan bahawa kita terpaksa lebih rapat dengan negara-negara bukan komunis dari negara-negara komunis dalam berbagai-bagai bidang. Misalnya kita boleh menghantar pelajar-pelajar kita ke Amerika Syarikat dan United Kingdom tetapi

tidak dapat menghantar mereka ke Soviet Union ataupun ke Republik Rakyat China oleh sebab sistem pelajarannya terlalu berbeza dengan kehendak kita. Saya rasa kesemua kuasa-kuasa besar yang berkait juga faham dengan akibat ini. Tetapi apa yang penting dalam soal mewujudkan keadaan equi-distance ini adalah agar dalam isu-isu dan sengketa serta persaingan kuasa-kuasa besar ini kita tidak memihak. Soal berpihak ini pula tidak memadai dengan hanya mengeluarkan kenyataan-kenyataan tetapi ianya terpaksa dibuktikan dengan berbagai-bagai cara supaya ia benar-benar dapat meyakinkan kuasa-kuasa besar yang berkaitan itu.

Ringkasnya segala tindak-tanduk kita serta kenyataan-kenyataan kita harus mencerminkan keikhlasan kita untuk tidak memihak. Sikap ini harus dapat dilihat dan dapat diperlihatkan, dengan izin, it has to be seen to be so. Dengan itu juga bermakna kita tidak akan membenarkan negara kita ini diperalatkan oleh mana-mana kuasa besar untuk memajukan kepentingannya dalam konteks persaingannya dengan sesebuah kuasa besar yang lain.

Oleh yang demikian dalam isu penembakan jatuh kapal terbang Korea ini misalnya sungguhpun kita mengutuk dan tidak dapat menerima tindakan Soviet Union itu, kita harus berhati-hati supaya tindakan kita tidak membawa kita sehingga terjebak dalam kancah persaingan politik Soviet Union dengan kuasa-kuasa lain. Jika tindak-tanduk kita sampai ke suatu tahap di mana ianya dapat dilihat ataupun diperlihatkan sebagai hanya memihak dalam super power rivalry maka bukan sahaja kutukan kita yang awal tadi tidak akan diterima sebagai kutukan yang ikhlas, malah lebih penting kita akan gagal dalam usaha meyakinkan semua kuasa-kuasa besar bahawa kita benar-benar mahu

rantau kita dan negara kita aman, bebas dan berkecuali. Ringkasnya semua kepentingan-kepentingan ini haruslah kita pertimbang dan mengimbangkan dalam menentukan cara, bentuk dan tahap kita memperjuangkan sesuatu isu antarabangsa. Kita tidak mahu untuk melupakan matlamat kita yang penting dan terakhir, our ultimate goal, dengan izin, iaitu untuk memperolehi keselamatan negara dan keselamatan serantau dan kesejahteraan rakyatnya sepanjang masa dengan membebaskan, mengecuali dan mengamankan rantau kita ini dari persaingan kuasa-kuasa besar. Inilah, Tuan Yang Dipertua, sebesar-besar kepentingan nasional dan kepentingan inilah harus diutamakan.

Dengan hal yang demikian memandangkan hampir kesemua cadangan-cadangan dalam usul Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu sudah dan sedang pun dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.....

Tuan Yang Dipertua: Kota Melaka.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kota Melaka, maaf, oleh pihak Kerajaan dan memandangkan penyiasatan mengenai perkara tersebut oleh ECAU masih belum selesai dan setelah mempertimbangkan dan memperimbangkan semua kepentingan-kepentingan nasional yang lain, dan memandangkan kepentingan dan gantirugi bagi warganegara kita yang malang itu sedang diikhtiarkan juga, maka saya tidak nampak kenapakah usul ini harus dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada masa ini. Pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencadangkan dan menyokong usul tersebut sudah tentu mengetahui mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan kerana ianya telah tersiar dengan jelasnya dalam semua akhbar-akhbar. Mereka ini bukanlah orang yang tidak bijak

untuk memahami kaedah-kaedah lain yang perlu dipertimbangkan dalam kita memperjuangkan sesuatu isu antarabangsa. Faktor-faktor pengecualian kita, our neutrality, dengan izin, kita tidak mahu menjadi pro Soviet Union ataupun pro Amerika Syarikat ataupun pro Republik Rakyat China, pro United Kingdom ataupun pro sesiapa yang lain, tetapi sungguhpun mereka ini bukanlah tidak bijak, soalnya mengapakah usul ini masih dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, adakah muslihat-muslihat lain.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Bagi kita sebagai sebuah Kerajaan kita tidak mampu untuk menggunakan walau sesaat pun masa Dewan yang mulia ini untuk mencari publisiti murah. Kita adalah satu parti yang penuh bertanggungjawab untuk memelihara dan memajukan kepentingan rakyat Malaysia pada masa kini dan jenerasi yang akan datang.

Memandangkan semua hal ini jelaslah bahawa sekurang-kurangnya bagi Kerajaan usul ini adalah satu usul yang mempermain-mainkan masa Dewan yang mulia ini, masa yang begitu bernilai, suatu usul yang merupakan, dengan izin, frivolous. Oleh yang demikian dan juga agar di masa-masa hadapan usul-usul yang mempermain-mainkan masa Dewan yang mulia ini serta isu-isu frivolous tidak dibangkitkan lagi, maka pihak saya tidak ada pilihan lain tetapi untuk menolak dan membangkang usul tersebut dengan sekeras-kerasnya. (Tepuk)

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sekarang saya jemput pencadang usul supaya menjawab.

4.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, saya sangat terperanjat

dengan ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri khasnya apabila beliau kata di dalam hujah di akhir ucapannya di mana bercanggah dengan hujah di awal ucapannya.

Beliau kata bahawa usul ini frivolous. Beliau kata bahawa tujuan usul ini ialah untuk mempermainkan masa Dewan yang mulia ini. Untuk seorang Timbalan Menteri Negara Malaysia yang boleh menganggap satu perkara kejadian jenayah terhadap kemanusiaan di mana 269 orang terkorban dan seorang rakyat Malaysia terkorban sebagai satu perkara yang frivolous. Saya sangat terperanjat.

Saya tidak tahu sama ada ini juga pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri ataupun pendirian rakan-rakannya dalam Barisan Nasional seperti UMNO, MCA, Gerakan dan lain-lain. Bahawa perkara ini frivolous, seorang rakyat Malaysia Siow Woon Kwong yang telah meninggal dunia frivolous! Saya rasa inilah satu penghinaan kepada semua rakyat Malaysia. Satu insult kepada rakyat Malaysia. Kalau itulah sikap pihak Kerajaan bahawa perkara ini frivolous itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil: On a point of order.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Apa tertib mesyuarat Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Apa tertib mesyuarat?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil: On a point of order. Apa yang saya maksudkan cuma penjelasan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat-Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat diminta jelaskan tertib mesyuarat nombor berapa, ataupun minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil: Saya hanya hendak minta jalan untuk memberi penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri jalan!

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang kata 269 orang mati frivolous, tidak hak untuk menjelaskan perkara ini. Saya tidak mahu beri jalan. Orang yang mati itu frivolous, orang yang bercakap itu frivolous, sebab itu tidak payah diberi masa untuk dia memberi penjelasan.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: On a point of order.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Apa point of ordernya?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Point of ordernya bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka.....

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan berapa sebelum dia cakap.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Peraturan nombor berapa Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Peraturan point of order bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka telah memutar-belitkan ucapan.....

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak sebut Peraturan nombor berapa. Kalau tidak, duduk.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, minta duduk. Yang Berhormat, peraturan nombor

berapa? (*Kepada Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin*)

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Itu kena cari, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Lim Kit Siang: Lebih baik dia cari dulu. Jangan buang masa Dewan yang mulia ini. Jangan main-main point of order.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, saya tidak ingat off hand apa seksyenya di sini. Mustahil hendak ingat semua.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak, duduk. Jangan buang masa!

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya tidak boleh benarkan kalau Yang Berhormat tidak menyebut nombor Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Balik, baca point of order, jangan datang ke sini buang-buang masa sahaja.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat dari Kota Melaka saya minta teruskan dengan tertib.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya harap lain kali jangan ganggu point of order. Sebenarnya tidak ada point of order.

Dato' K. Pathmanaban: Point of order Yang Berhormat.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sebut nombor Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: 36 (6). Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka memutar belitkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Timbalan Menteri tidak kata perkara ini tidak mustahak. Yang

Berhormat Timbalan Menteri hanya object bahawa DAP ini memainkan isu ini di Dewan ini, bukan frivolous.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu point of order? Dia sudah frivolous.

Dato' K. Pathmanaban: 36 (6).

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya 30.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: 36 (6). Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 (6) berbunyi demikian:

“36 (6). Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain”.

Maka saya memutuskan bahawa perkataan frivolous tidak merupakan unparliamentary language dan tidak menimbulkan sangkaan jahat. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Sebab itulah orang yang berani kata perkara ini frivolous, orang yang mati frivolous, tembak jatuh jet pun frivolous, patutlah berani menghadapi consequence-consequencenya.

Dato' K. Pathmanaban: Penjelasan Yang Berhormat, saya minta beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri jalan.

Dato' K. Pathmanaban: Kalau berani beri jalan. Takut!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak takut. Tetapi...

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, saya orang baru, saya minta jalan pada orang lama. *(Tepuk)*

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu beri jalan kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri dulu. Saya mahu beri jalan, kalau tidak berani berdiri, berdiri cakap.

Dato' K. Pathmanaban: *(Bangun)*

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Duduk Yang Berhormat! *(Kepada Tuan Khadri bin Sabran)*. Saya beri jalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dulu selepas itu Yang Berhormat, kerana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah memberi jalan kepada kedua-dua supaya meminta penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Saya rasa Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi telah cuba memutarbelitkan apa yang dikatakan di Dewan ini dengan panjang lebar oleh Timbalan Menteri Luar Negeri tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa Kerajaan telah mengambil serius tentang perkara ini dan beliau telah menghuraikan beberapa langkah serius yang diambil oleh Kerajaan ini Yang Berhormat dari Kota Melaka pula cuba menggunakan hal yang serius ini untuk mencari publisiti. Itulah yang dituduh oleh Timbalan Menteri. Jadi percubaan itu dikatakan sebagai satu yang “frivolous” oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak usahlah kita buang masa lagi mengenai perkara itu kerana percubaan yang kedua oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi telah jelas dan sebenar-benarnya telah menunjukkan bahawa beliau telah cuba memainkan peranan untuk meningkatkan emosi orang lain dalam isu ini dan menggunakan masa yang keemasan Dewan ini sendiri di atas perkara itu. Itulah penjelasannya. *(Tepuk)*

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat boleh diberi jalan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyokong perkataan frivolous yang digunakan

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan usul ini. Saya bacakan sepotong ayat di dalam usul yang dibawa sebagai pembuktian saya mengenai penggunaan perkataan frivolous tersebut iaitu perenggan yang ketiga, iaitu menyeru Kerajaan mengharamkan semua kapal-kapal Aeroflot dan Soviet Union selama 2 minggu sebagai membantah pembunuhan kejam dan buas..... sehingga akhirnya. Jadi mengharamkan itu mengharamkan apa? Mengharamkan pendaratan? Mengharamkan kapal-kapal itu daripada dimakan? Atau pun mengharamkan kapal-kapal itu daripada berlegar di angkasa kita ataupun apa? Jadi ini yang sebenarnya apa yang dikatakan frivolous, main-main. Ayat ini tidak faham, ayat ini adalah kabur. Ini merupakan satu penghinaan kepada bahasa kebangsaan kita.

Dr Tan Seng Giaw: On a point of order.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ada point of order, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 31 (1), dia memberi penjelasan atau ucapan semata-mata? (*Ketawa*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Mencari penjelasan. Sudah habis Yang Berhormat?

Tuan Khadri bin Sabran: Habis.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tadi menunjukkan bahawa bukan sahaja Timbalan Menteri Luar Negeri frivolous, ada satu sikap yang frivolous, Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya whip, atau assistant whip, pun ada satu sikap yang frivolous, oleh kerana mereka bukan

sahaja frivolous, mereka tidak boleh faham peranan Parlimen, tugas Parlimen yang patutnya asing daripada Eksekutif, Kerajaan.

Sungguhpun Kerajaan ada ambil tindakan dan kita akan menyokong usaha-usaha Kerajaan dalam perkara ini, tetapi satu pendirian oleh Parlimen untuk mengutuk tindakan penjenayahan Soviet Union ini dan untuk melahirkan perasaan bagi pihak rakyat Malaysia akan memperkuatkan tangan kedudukan pihak Kerajaan dan patutlah satu Kerajaan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri yang tidak frivolous, yang serius dalam perkara ini patutlah berterima kasih bahawa ada satu cadangan ini supaya bukan sahaja tangan Kerajaan boleh dikuatkan, tetapi seluruh dunia pun boleh tahu bahawa kita ada satu Parlimen di mana ahli-ahli Parlimen yang ada sikap yang tidak frivolous, yang boleh fikir, bincang mengenai perkara-perkara yang mustahak. Tetapi nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu Dewan yang mulia ini menjadi satu Dewan yang frivolous, tidak mahu bincang perkara yang mustahak, tidak mahu ambil pendirian mengenai perkara yang mustahak. Dan saya sangat terperanjat bahawa itulah sikap Kerajaan, langsung tidak tahu peranan Parlimen asing daripada Kerajaan. Saya haraplah bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh balik dan fikir baik-baik berkenaan peranan yang asing Parlimen ini.

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan selalu bangkit Perkara 36 (6) mengenai membuat sangkaan atau impute improper motive. Siapa buat itu? Siapa yang guilty, Tuan Yang Dipertua? Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kata bahawa ada muslihat—mungkin ada muslihat, ada tujuan-tujuan atau niat yang tidak baik, bawa Usul ini. Kenapa kita tidak boleh lihat

atas apa yang di depan kita? Satu perkara yang begitu dahsyat berlaku dan kita ambil satu tindakan sebagai sebuah Parlimen, sebagai Ahli Parlimen tidak kira apa parti tidak boleh, mesti anggap, tengok semua perkara dengan cermin mata UMNO, MCA, Barisan Nasional dan bukan atas kepentingan warganegara Malaysia. Itulah saya rasa satu trajedi dalam perkara ini, satu trajedi yang menunjukkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada sikap yang matang—tidak ada sikap yang matang, yang layak untuk bercakap bagi pihak semua rakyat, untuk negara dan saya harap beliau patut ingat beliau ialah Timbalan Menteri untuk Luar Negeri, untuk Malaysia, bukan Timbalan Menteri untuk UMNO, untuk Barisan Nasional, tetapi tadi dia cakap nampaknya Timbalan Menteri kalau mahu cakap—saya boleh beri jalan—usik, mahu cakap saya beri jalan, kalau berani berdiri. Ya! Apa itu?

Dato' K. Pathmanaban: Ya, apa itu? Saya sudah berdiri! (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya sekarang mahu beri jalan—takut? Ini bukan MIC, kalau mahu cakap, boleh cakap, MIC diam-diam—tidak boleh.

Tuan Khadri bin Sabran: (*Bangun*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat, ada seorang lagi Ahli Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu tidak guna, dia mahu ucap, lain kali mahu ucap tahu bila masanya ucap, kalau tidak tahu—belajar.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat tidak beri jalan, minta duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Dia bukan mahu penjelasan, dia mahu ucap.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, on a point of order, Peraturan Mesyuarat 36 (9). Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dan menghubungkan dengan kedudukannya dalam parti MIC dan sebagainya. Pada hemat saya beliau telah melanggar Peraturan 36 (9) yang berbunyi:

“Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan”.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 (9) telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Hulu Terengganu, maka oleh kerana dalam ucapan Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka itu apa yang disebutkan ialah bersabit dengan kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan, maka pada pendapat saya peraturan ini tidak boleh terpakai. Sila teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada kata bahawa kita mahu cari publisiti yang murah. Siapa yang cari publisiti yang murah, orang yang cakap itu mahu cari publisiti yang murah....

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: (*Bangun*).

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang berdiri untuk cari publisiti yang murah.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya cari publisiti yang murah bukan?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak mahu jawab, saya tidak mahu beri jalan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri jalan, dia mahu publisiti yang murah.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa saya mahu beri dia jalan—tidak beri jalan, cari publisiti yang murah—tidak bagi. Sini Dewan yang serius, jangan main-main, masa yang berharga di sini, jangan cari publisiti yang murah.

Tuan Yang Dipertua, saya haraplah lain kali dengan cara yang serius, dengan sikap yang serius, kita bincang masalah-masalah yang dibentang dalam Dewan ini baik pun daripada Front Bench, baik pun daripada pihak Pembangkang. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata apa cara yang kita boleh ada utuk dengan kesannya mengutuk perbuatan Soviet Union ini.

Satu ialah Parlimen boleh ambil satu pendirian dan saya ingin tahu bukan sahaja Kerajaan, tetapi Parlimen boleh ambil perhatian yang berat, tetapi tidak mahu, mahu main-main parti politik, MCA tidak mahu sokong, MCA tidak mahu kutuk Soviet Union, bukan? UMNO tidak mahu, ikut dan lain-lain, kenapa? Kalau ahli-ahli MCA tidak setuju boleh minta jalan!

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: (*Bangun*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, ada Ahli minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! sudah masuk MCA! (*Ketawa*) Bila masuk MCA!

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, Ahli...

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, saya minta jalan....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tadi wakil dari Kota Melaka mengatakan UMNO tidak mahu kutuk Soviet Union. Sebenarnya UMNO, MCA, MIC, Barisan Nasional semua, kita kutuk, selebih daripada kutuk iaitu dengan menghentam terus, bukan cara kutuk, kutuk sahaja tidak memberi faedah tetapi kita hentam di Bangsa-bangsa Bersatu.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak faham peranan Parlimen. Kalau tak faham peranan Parlimen mana boleh jadi Ahli Parlimen yang berkesan, saya pun tak faham.

Tuan Yang Dipertua, satu cara ialah bahawa Parlimen ambil pendirian sokong usul ini yang menunjukkan bahawa Parlimen Malaysia kutuk menunjukkan bahawa Ahli-ahli Parlimen, baik pun UMNO, MCA, kutuk; luar cakap banyak, dalam sini Ahli-ahli MCA, Ahli-ahli UMNO takut cakap, takut kutuk. Kenapa Ahli-ahli MCA takut kutuk Soviet Union.

Dato Lee Kim Sai: (*Bangun*).

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sudah berdiri (*Ketawa*), tak boleh tahan!

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Saya rasa Ahli dari Kota Melaka itu tidak berapa faham dengan susunan Kerajaan dan penubuhan Parlimen kerana Parlimen ini adalah terbelah dua: Pembangkang dan Kerajaan. Jadi MCA, UMNO, MIC, GERAKAN adalah anggota Kerajaan Barisan Nasional. Anggota Barisan Nasional bertanggungjawab sama (collective responsibility). Apa yang disebut oleh mana-mana seorang anggota Kerajaan itulah suara, itulah tanggungjawab semua parti Barisan Nasional (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Lecture mengenai susunan Parlimen. Saya faham bahawa ada "collective responsibility" dan sebab itu semua Ahli-ahli Parlimen MCA mahu ikut apa UMNO putuskan, UMNO cakap apa—putus, MCA mahu ikut, tak boleh bantah, tak boleh protes, tak boleh putuskan bahawa mahu kutuk dalam Parlimen terhadap Soviet Union, MCA mahu ikut. Putuskan mengenai dasar kebudayaan, MCA ikut, pelajaran—ikut, ekonomi—ikut, semua ikut, tak ada suara, tak ada prinsip.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, Standing Order 36 (1), apa kena-mengena kebudayaan, pelajaran dan ekonomi ini?

Tuan Lim Kit Siang: Sebagai contoh sahaja. Saya tak mahu cakap kebudayaan, dua jam pun tak habis. Ini contoh. Di sini Ahli-ahli Parlimen MCA mana ada pendirian? No back bones, tetapi itu lain hal. Kalau mahu lecture lagi boleh, saya boleh beri clarification lagi. Lagi mahu berdiri? Tak payah! Oh, mahu, boleh.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, tujukan ucapan kepada Pengerusi!

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, on a point of order.

Mengikuti bunyi usul ini berkenaan dengan.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa point of order?

Dato Lee Kim Sai: 36!

Tuan Lim Kit Siang: 36 apa?

Dato Lee Kim Sai: 36 (1):

Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu". Jadi masalah kebudayaan, pelajaran dan sebagainya adakah Ahli Yang Berhormat faham perkara itu tidak berkaitan langsung dengan usul ini?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu Ahli Yang Berhormat.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, Tertib Mesyuarat No. 36 (1) telah dibangkitkan. 36 (1) berbunyi:

Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara-perkara yang dibincangkan itu".

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah pun sebutkan beberapa perkara yang walaupun tidak berkaitan, saya benarkan digunakan sebagai contoh, tetapi setakat itu sahaja, dan saya harap Yang Berhormat dari Kota Melaka teruskan menggulung menjawab usul dan menghadkan percakapannya khusus kepada usul yang dibentangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu apabila dengar kebudayaan, pelajaran, dia takut, memanglah begitu.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi langkah yang boleh diambil supaya kita ada tindakan yang berkesan atau untuk membuat Soviet Union tahu rasa marah kita dan ini saya cadang dengan serius saya harap bahawa satu sikap yang tidak “frivolous” terhadap saranan saya bahawa pihak Kerajaan bekukan kedudukan perhubungan Malaysia dengan Soviet Union untuk satu masa. Bekukan ialah apabila Soviet Union mahu tambah kakitangan-kakitangan di Kedutaan—tolak. Kalau ada kakitangan-kakitangan yang tinggal tak benarkan untuk diisikan, digantikan untuk menunjukkan satu pendirian yang menentang perbuatan Soviet Union dan mungkin itu boleh ditimbang dan dikaji oleh pihak Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya rasa Parlimen, Dewan yang mulia ini patutlah bukan sahaja berani cukup tanggungjawab untuk luluskan usul ini, jangan main-main parti-parti politik, jangan main-main perkara ini sahaja oleh kerana kita mahu dunia tahu, rakyat tahu bahawa Parlimen boleh memainkan satu peranan yang bertanggungjawab dan bukan datang sini untuk main-main sahaja, tolak apa yang sebenarnya baik, betul untuk kepentingan negara, untuk kepentingan rakyat.....

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Penjelasan!

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, boleh!

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Sekiranya Dewan yang mulia ini menolak usul Yang Berhormat dari Kota Melaka, adakah penolakan itu bermakna kita menyokong penembakan dan pembunuhan peristiwa yang berkaitan?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Dewan yang mulia ini tolak usul ini, ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Parlimen yang tolak usul ini

“frivolous”, tidak matang, tidak tanggungjawab, tidak layak menjadi Ahli Parlimen, tak layak menjadi Timbalan Menteri, tak layak menjadi Menteri (*Beberapa Ahli Yang Berhormat: woo, woo*), tak layak jadi Ahli Parlimen. Baru tahu “woo, woo, woo”, lain tak tahu (*Ketawa*), itu tahu, sangat pandai—woo woo, lagi apa tahu?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Penjelasan!

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, boleh!

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka memikirkan beliau sahaja yang layak menjadi Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, saya tidak kata bahawa barulah saya layak tetapi saya harap mereka yang mahu jadi Ahli Parlimen harap mereka jangan ada sikap yang “frivolous”. Kalau ada sikap yang frivolous, lebih baik letak jawatan, Timbalan Menteri pun lebih baik letak jawatan.

Dato' K. Pathmanaban: On a point of order. Ahli Yang Berhormat tadi kata dia tahu Parlimen, sudah lama di sini.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa point of order?

Dato' K. Pathmanaban: 35 (1). Ahli Yang Berhormat kata sudah lama di sini, tahu Standing Order, tetapi Ahli Yang Berhormat ini langsung tak pandang kepada Speaker.

35 (1) menyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat mesti pandang kepada Speaker, alamatkan ucapannya kepada Speaker. Ahli Yang Berhormat ini pula pandang kepada Press (*Ketawa*).

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta penjelasan. Boleh beri jalan?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sebab saya terpaksa memutuskan dari hal Tertib Mesyuarat yang dibangkitkan dahulu, selepas itu Yang Berhormat boleh minta jalan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tertib Mesyuarat 35 (1) telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

35 (1) berbunyi:

“Seseorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang ahli tidak boleh bercakap melainkan setelah dipanggil oleh Pengerusi”.

Yang Berhormat dari Kota Melaka saya harap demi menjaga prestasi dan maruah Dewan supaya terus mengulung ucapan dengan mengarahkan ucapan kepada saya. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak mahu tengok orang yang frivolous, orang yang frivolous, orang yang tak layak menjadi Ahli Parlimen apa guna mahu tengok dia (*Ketawa*).

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: (Bangun).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, point of order!

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Saya kurang faham ruling, Tuan Yang Dipertua, apakah yang dimaksudkan bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka ini salah?

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu clarification? Siapa itu, saya tidak tahu pun. Saya tidak boleh tengok.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat diminta duduk. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu minta jalan, minta penjelasan. Yang Berhormat mahu beri?

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tengok dia benar-benar serious, frivolous atau tidak. Boleh tengok dia?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Boleh tengok (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Boleh tengok?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Serious, frivolous?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, saya minta penjelasan. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada mengatakan tadi iaitu Ahli-ahli Dewan ini yang tidak mahu menyokong suatu usul yang seperti ini sebenarnya tidak berani dan tidak layak menjadi Ahli Parlimen. Bagaimana pula kedudukan Ahli-ahli DAP yang selalu tidak pernah menyokong apa juga cadangan baik yang dikemukakan oleh Kerajaan (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Cadangan yang baik kita pernah sokong, kita pernah setuju. Perkara di sini ialah apa sebab tak sokong. Susah, Tuan Yang Dipertua. Ahli Parlimen mahu berdiri, tidak tahu siapa, tak apalah, tidak mahu tengok mereka.

Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Menteri Timbalan Menteri dan lain-lain orang Ahli-ahli Parlimen memberi sebab kenapa mahu tolak usul ini. Tidak. Baru bawa ini frivolous, orang mati frivolous dan saya harap ini menjadi satu lesson kepada mereka. Kita datang ke Dewan ini mesti ada satu kepentingan utama ialah untuk rakyat dan apa-apa untuk kepentingan rakyat kita harus sokong, harus setuju tetapi kalau

mereka mahu main-main sahaja yang akhirnya tunjuk apa? Tunjuk frivolous dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, saya rasa sudah tunjuk the height of frivolity dalam Dewan yang mulia ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Dengan izin!

Tuan Lim Kit Siang: Dengan izin, Tuan Yang Dipertua. The height of frivolity.

Dato K. Pathmanaban: (*Bangun*).

Tuan Lim Kit Siang: Siapa itu?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Tertib Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Siapa itu?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Timbalan Menteri Kesihatan minta penjelasan.

Dato K. Pathmanaban: Saya telah.....

Tuan Lim Kit Siang: Belum, saya belum beri jalan.

Dato K. Pathmanaban: Kalau you berani.....

Tuan Lim Kit Siang: Dia duduk dahulu. Saya tidak tahu dia cakap apa. Boleh tengok Tuan Yang Dipertua?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Boleh tengok.

Tuan Lim Kit Siang: Ha! (*Ketawa*). Mahu cakap?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, sila arahkan percakapan kepada Tuan Yang Dipertua.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! tidak boleh. Okay (*Ketawa*). Jadi susah, tidak mahu bagilah. Susah macam ini, mahu arah sini, arah sana (*Ketawa*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahulah, susah dan saya harap akhirnya saya rasa sebenarnya golongan saya sangat pendek tetapi banyak orang mahu celah, mahu tunjuk frivolity mereka dan saya harap sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi pendirian beliau, saya harap bahawa dalam saat-saat terakhir ada yang Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional khasnya MCA yang boleh tunjuk mereka tidak frivolous, berani untuk sokong usul ini. Tak gunalah ahli-ahli MCA. Ketua MCA. Pemuda cakap tidak boleh sokong, ikat tangan, UMNO cakap tak boleh sokong, lebih baik resign.

Terima kasih, Tuan Yang Dipertua, (*Tepuk*).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN LUAR NEGERI

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

4.37 ptg.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 dibaca bagi kali kedua.

Di bawah Artikel III Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan hanya boleh meminjam dengan kuasa undang-undang Persekutuan. Di dalam hubungan ini, berkenaan dengan pinjaman-pinjaman luar negeri pula, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk memperolehi pinjaman-pinjaman daripada punca-punca luar negeri.

Seksyen 4 (1) Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 memperuntukkan bahawa dengan izin, External Loans shall be raised by the creation and issue of such securities as the Minister thinks fit. Ini mungkin bermakna bahawa segala pinjaman-pinjaman luar negeri yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dibuat dengan cara mengeluarkan apa-apa sekuriti yang berkenaan. Persoalan yang timbul di dalam memperjelaskan peruntukan Seksyen 4 (1) di atas ialah sama ada sesuatu pinjaman luar negeri yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta tersebut, yang mana tidak memerlukan apa-apa sekuriti dikeluarkan atau diberikan kepada para pemberi-pemberi pinjaman dianggap sebagai satu amalan yang sah dari segi undang-undang.

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun Seksyen 4 Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 membayangkan bahawa setiap pinjaman luar negeri yang diperolehi oleh Kerajaan memerlukan pengeluaran instrumen sekuriti, tetapi tidak semua pinjaman-pinjaman luar negeri Kerajaan memerlukan pengeluaran apa-apa sekuriti kepada para pemberi-pemberi pinjaman. Pinjaman-pinjaman yang biasanya memerlukan keluaran sekuriti dalam bentuk Promissory Notes ialah pinjaman "Euro-Dollar Syndication", manakala pinjaman-pinjaman lain daripada sumber dua hala yang diperolehi daripada negeri Jepun seperti kredit Yen, OECF, Saudi Fund dan Suppliers/Export Credit adalah tidak melibatkan pengeluaran pemberian sekuriti-sekuriti tersebut.

Oleh yang demikian, untuk mengelakkan keraguan sama ada pinjaman-pinjaman tersebut sah di sisi undang-undang dan untuk memberi penjelasan yang nyata serta fleksibiliti di dalam cara-cara memperolehi pinjaman-pinjaman luar negeri oleh Menteri Kewangan, adalah wajar supaya pindaan dibuat kepada seksyen 4 Akta Pinjaman Luar Negeri 1963.

Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mendapatkan pinjaman luar negeri bukan sahaja dengan mewujudkan atau mengeluarkan security-security tetapi juga dengan mana-mana cara atau perkiraan yang sesuai sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri Kewangan. Pindaan itu dikuatkuasakan ke belakang pada tahun kuatkuasa Akta tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.14 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) tahun 1983 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Semasa membentangkan Rang Undang-undang Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) tahun 1983 Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan telah menerangkan bahawa tujuan Rang Undang-undang Pindaan ini ialah bagi mengadakan peruntukan yang lebih flexible tentang cara mendapatkan pinjaman luar negeri di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri. Menerusi pindaan yang dicadangkan ini ianya bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mendapatkan pinjaman luar negeri bukan sahaja dengan mewujudkan dan mengeluarkan security tetapi juga

dengan mana-mana cara atau perkiraan yang difikirkan sesuai dan munasabah oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tujuan atau hasrat Kerajaan dalam membentangkan pindaan ini adalah jelas iaitu ianya hendak mendapatkan lebih banyak pinjaman luar negeri bagi membiayai perbelanjaan pembangunannya. Dengan menimbangkan daripada rekod kegiatan-kegiatan pinjaman luar negeri Kerajaan adalah tidak diragukan bahawa ianya semacam satu kecenderungan untuk meminjam baik dari punca-punca dalam negeri ataupun luar negeri. Sejak bertahun-tahun lamanya Kerajaan telah mendapatkan banyak pinjaman untuk membiayai perbelanjaan pembangunannya. Sebagai contoh Kerajaan Persekutuan telah menggaris matlamat pinjaman bersih dalam tahun 1982 sebanyak \$9,950 juta yang bererti pertambahan sebanyak 42% daripada pinjaman bersih untuk tahun 1981. Daripada jumlah \$9,950 juta yang merupakan pertambahan sebanyak 40% berbanding dengan \$2,909 juta dalam tahun 1981 adalah dijangka akan dibiayai daripada punca-punca luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan pinjaman Kerajaan terlalu besar baik dalam punca-punca dalam dan luar negeri, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 1982 ialah \$40,122 juta berbanding dengan \$30,145 juta pada akhir tahun 1981 atau satu pertambahan sebanyak 33%. Akibat dari kegiatan-kegiatan pinjaman luar negeri maka jumlah hutang luar negeri Kerajaan dalam tahun 1982 ialah \$11,813 juta dan pertambahan sebanyak 52% apabila dibandingkan dengan jumlah \$7,769 juta dalam tahun 1981. Jumlah hutang dalam bentuk sekuriti Kerajaan ialah \$25,986 juta iaitu mewakili pertambahan

sebanyak 25% jika dibanding dengan jumlah \$20,586 juta pada akhir tahun 1981.

Tuan Yang Dipertua, apabila Rang Undang-undang ini diluluskan nanti Kerajaan akan berada dalam satu kedudukan yang memudahkannya meminjam lebih banyak wang dari luar negeri dengan mana-mana cara atau perkiraan yang difikirkan sesuai atau patut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Walaupun adalah difahamkan bahawa Kerajaan akan meminjam dari punca-punca luar negeri bagi membiayai perbelanjaan pembangunannya tetapi seharusnya pinjaman itu dipohon apabila perlu dan hanya untuk membiayai projek-projek yang viable sahaja. Kerajaan tidak seharusnya mendapatkan lebih banyak pinjaman daripada punca-punca luar negeri dan meletakkan negara di dalam beban hutang yang besar yang mana kita tidak upaya untuk membayar semula. Kita mestilah jangan membiarkan negara kita terjerumus dalam satu keadaan seperti yang berlaku di Mexico di mana hutang negara telah mengakibatkan ekonomi negara Mexico jatuh.

Tuan Yang Dipertua, rakyat Malaysia tidak dapat elak dari kebimbangan mengenai keadaan hutang negara pada masa ini dan adalah menjadi tanggungjawab satu Kerajaan yang bertanggungjawab supaya jangan bertindak membangkitkan keresahan atau kebimbangan rakyat mengenai perkara hutang ini.

Tuan Yang Dipertua, salah satu cara untuk meningkatkan keyakinan rakyat ialah Kerajaan mestilah selalu bertindak untuk memastikan pengurusan kewangan di semua projek-projek dan agensi-agensi berjalan sempurna dan teratur dan yang terpenting sekali ialah menjunjung kepada prinsip public

accountability terhadap wang-wang yang digunakan untuk pembangunan. Kerajaan hendaklah memastikan bahawa apa juga pinjaman luar negeri yang didapatkan untuk projek-projek pembangunannya maka mestilah ianya diselia dengan ketat supaya projek-projek tersebut berjalan lancar dan tidak menimbulkan apa-apa masalah. Sebagai contoh, bantahan dari Bank Dunia terhadap pembinaan sebuah Kolej Pengurusan dan Politeknik di Semambu, Kuantan oleh sebuah syarikat pemborong pembinaan yang tidak pernah membuat kerja-kerja pembinaan sedemikian.

Walaupun terdapat bantahan Bank Dunia tetapi Kerajaan telah menawarkan tender pembinaan pembangunan berjumlah \$13.8 juta yang dibiayai oleh Bank Dunia untuk membina Maktab Perguruan dan Politeknik kepada seorang pemborong yang gagal melaksanakan projek itu dan ini telah mengakibatkan Kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak \$11 juta lagi untuk menukar kontraktor.

Tuan Yang Dipertua, insiden-insiden seperti inilah yang kita mesti elakkan memandangkan keadaan di atas saya ingin menegaskan di sini mengenai betapa pentingnya kawalan penggunaan atau perbelanjaan wang yang berhati-hati di pihak Kerajaan supaya kita tidak akan membazirkan wang yang diperolehi daripada pinjaman baik pun dari dalam negeri ataupun dari luar negeri.

Kita hendaklah berhenti projek-projek prestij yang memerlukan pembiayaan dari luar negeri yang hanya memusatkan ke atas projek-projek yang perlu dan berfaedah kepada rakyat.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, apa yang saya rasa adalah lebih penting ialah kita janganlah meminjam lebih dari yang diperlukan

kerana ini adalah jalan untuk meletakkan kita dalam kesusahan. Sekian.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Pinjaman Luar Negeri, 1963.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengadakan peruntukan yang lebih flexible tentang cara-cara mendapatkan pinjaman luar negeri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi ulasan saya terhadap hutang Kerajaan Persekutuan terutamanya hutang luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, dalam beberapa tahun kebelakangan ini Kerajaan telah giat menjalankan beberapa projek pembangunan yang besar. Memang baik diadakan projek-projek itu kerana kebanyakan daripada projek-projek itu bertujuan untuk meningkatkan mutu kehidupan rakyat. Akan tetapi projek-projek besar itu memang juga memerlukan perbelanjaan pembangunan yang tinggi dan ini telah mengakibatkan wujudnya kurangan belanjawan (deficit) bagi sektor awam yang semakin meningkat.

Tuan Yang Dipertua, deficit ini disediakan juga oleh perbelanjaan mengurus (operating expenditure) yang kian meningkat dengan amat pesat dalam beberapa tahun ini. Maka ini mengakibatkan lebihan semasa (current surplus) Kerajaan iaitu perbezaan di antara hasil (revenue) Kerajaan dengan perbelanjaan mengurus adalah kecil sahaja iaitu "current surplus" ini hanya amat kecil dan hanya dapat membiayai sebahagian kecil daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Ini bererti bahawa Kerajaan terpaksa meminjam dari sumber-sumber sama

ada dalam negeri ataupun luar negeri. Peminjaman wang oleh Kerajaan di mana-mana pun memanglah suatu yang lazim diamalkan. Akan tetapi apa yang agak membimbangkan bagi kita di Malaysia ini ialah saiz ataupun jumlah pinjaman dan juga kadar peningkatan pinjaman itu terutamanya pinjaman luar negeri.

Sebagai satu contoh, Tuan Yang Dipertua, jumlah pinjaman bagi tahun 1973 ialah lebih kurang \$8 ribu juta, jumlah ini telah meningkat sehingga lebih daripada \$43 ribu juta bagi perawalan tahun 1983 iaitu satu pertambahan ataupun pertumbuhan sebanyak 5-6 kali ganda. Di samping itu pinjaman luar negeri telah meningkat dari \$1,300 juta pada tahun 1973 meningkat kepada kadar \$13.7 ribu juta pada bulan Mac tahun ini dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi telah sampai ke tahap \$14 ribu juta iaitu peningkatan sebanyak 10 kali ganda.

Di samping itu, Tuan Yang Dipertua, kalau kita mengambil nisbah pinjaman luar negeri ke eksport akan didapati bahawa nisbah ini telah meningkat dengan cepatnya dari lebih kurang 0.17 pada tahun 1980 sampai kepada nisbah 0.47 untuk tahun 1982. Begitu juga sekiranya kita mengambil nisbah pinjaman luar negeri dibandingkan dengan cadangan luar negeri (external reserve) maka akan didapati bahawa nisbah ini ialah 0.51 bagi tahun 1980 telah menjadi 1.00 iaitu hampir sama bagi tahun 1981 dan meningkat sehingga 1.56 bagi tahun 1982. Maka nisbah-nisbah seperti ini adalah sangat tinggi kalau dibandingkan dengan banyak negara-negara yang lain.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita meninjau peningkatan pinjaman luar negeri dalam 3 tahun kebelakangan ini kita akan dapati satu gambaran atau trend yang lebih membimbangkan.

Pinjaman luar negeri pada tahun 1980 ialah \$4,860 juta. Ianya telah meningkat sehingga \$8,278 sampai ke angka \$14,092 juta bagi tahun ini. Setahu saya angka-angka ini tidak termasuk pinjaman secara langsung (direct borrowing) yang dibuat oleh perbadanan-perbadanan awam (public corporation). Maka sekiranya kita mengambilkira pinjaman-pinjaman itu, maka angka itu akan meningkat lebih tinggi lagi.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang kita sedia maklum terdapat dua punca utama untuk pinjaman luar negeri seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu pinjaman projek dari agensi-agensi antarabangsa ataupun pinjaman bilateral misalnya dari Bank Dunia, Asian Development Bank, dari kerajaan-kerajaan negara maju dan sebagainya. Satu lagi ialah pinjaman-pinjaman pasaran (market loans) daripada pasaran wang atau modal dunia melalui bank-bank dan institusi-institusi kewangan swasta termasuk juga, dengan izin, consortiums of banks.

Angka-angka yang saya dapati menunjukkan sumber pinjaman pasaran ini telah pun meningkat dengan pesatnya dalam tempoh tiga tahun ini. Sebagai contoh, bagi tahun 1980 jumlahnya ialah \$2,200 juta yang merupakan 50% daripada jumlah pinjaman luar negeri. Jumlah ini telah meningkat ke \$9,000 juta pada tahun 1982 yang merupakan lebih kurang 69% daripada pinjaman luar negeri bagi negara kita. Maka saya berpendapat bahawa keadaan ini adalah kurang memuaskan kerana pada amnya kadar faedah dari pinjaman-pinjaman pasaran itu sungguhpun selalunya berubah-ubah tetapi pada hitung panjang jauh lebih tinggi daripada kadar faedah yang didapati daripada agensi-agensi antarabangsa.

Yang kedua, oleh kerana peristiwa-peristiwa ataupun masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara lain di Latin Amerika dan Central Amerika misalnya, maka terdapatlah satu keadaan di mana bank-bank ini merasa ragu-ragu terhadap permohonan pinjaman wang sungguhpun negara kita mempunyai satu "credit rating", dengan izin, yang sangat tinggi. Maka dari atas adalah sangat jelas bahawa negara kita semakin bergantung kepada pinjaman luar negeri. Oleh itu saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan defisit negara ini.

Yang pertamanya kita haruslah mengurangkan pembaziran dalam perbelanjaan supaya kita dapatkan hasil yang maksima dari segala perbelanjaan yang dibuat oleh kita.

Yang keduanya sungguhpun Rang Undang-undang ini memberikan flexibility kepada Menteri yang berkenaan untuk mendapatkan pinjaman, saya berpendapat bahawa flexibility ini haruslah digunakan dengan berhati-hati iaitu sekiranya boleh kita haruslah mengurangkan beban defisit ataupun beban hutang negara kita dan seboleh-bolehnya mendapatkan pinjaman yang mempunyai kadar faedah yang rendah. Seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya sumber-sumber dari negara-negara yang berlainan itu mempunyai kadar faedah yang berlainan. Nampaknya negara Jepun dan Perancis misalnya mengadakan kadar faedah yang rendah sekali. Maka adalah lebih munasabah sekiranya kita mencari sumber-sumber seperti ini supaya kita mengurangkan beban dari segi faedah.

Akhirnya sekali saya percaya bahawa Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil tindakan-tindakan

yang wajar supaya kedudukan kewangan negara kita tidak terjejas. Terima kasih.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk memberikan pendapat di samping menyokong Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 yang bertujuan saya kira ialah untuk mengadakan peruntukan bagi mendapatkan pinjaman luar negeri bukan sahaja dengan mewujudkan dan mengeluarkan sekuriti-sekuriti malah dengan mana-mana cara atau perkiraan sepertimana yang difikirkan patut oleh Menteri yang mana pindaan Rang Undang-undang ini secara sepintas lalu memperlihatkan pada kita bahawa Menteri yang berkenaan diberikan kuasa yang lebih di dalam menentukan viability sesuatu projek pembangunan yang dirancangkan di dalam negeri ini sebelum projek-projek tersebut atau program-program pembangunan tersebut dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang Dipertua, pada peringkat awal semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab soalan tadi saya agak terperanjat apabila mendengar bahawa jumlah hutang luar negeri kita mencapai ke angka \$14,092.94 juta tetapi terperanjat tersebut, keraguan tersebut hilang lenyap apabila Dewan yang mulia ini diberitahu pula bahawa kadar faedah daripada pinjaman-pinjaman luar negeri yang saya dapati pada kebanyakannya adalah di antara 4% hingga ke 10% iaitu merupakan satu kadar faedah yang rendah.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kadar faedah yang rendah inilah maka berdasar kepada kesedaran dan keinsafan kita untuk membantu meninggikan taraf hidup rakyat di dalam negara ini yang miskin, rakyat di dalam negara kita yang masih

kelaparan tanah dan pembukaan-pembukaan tanah yang lebih luas, lebih berleluasa sepatut kita wujudkan dan jika sekiranya kita dapati bahawa program pembukaan tanah dengan secara berleluasa ini merupakan satu program yang menguntungkan kepada rakyat, suatu program yang dapat menyelesaikan kelaparan tanah di dalam negara ini, suatu program yang dapat menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan kaum tani di dalam negara ini maka pinjaman luar negeri itu kita patut buat.

Tuan Yang Dipertua, negara ini adalah negara pertanian. Majoriti penduduk di dalam negara ini adalah terdiri daripada kaum tani. Masalah kemiskinan dan kelaparan tanah di kalangan kaum tani yang rata-rata tinggal di luar bandar di dalam negara ini masih lagi wujud, masih kedengaran rintihan masyarakat luar bandar yang kelaparan tanah. Masyarakat pada masa ini sering mempersoalkan masalah-masalah tanah yang terbiar dan masalah-masalah tanah yang tergadai di mana punca-punca masalah ini adalah daripada kemiskinan masyarakat tani tersebut. Dan di dalam konteks menyelesaikan masalah ini maka inilah satu peluang kepada Kementerian Pembangunan Tanah dan Pembangunan Wilayah bagi membuka lebih banyak lagi rancangan-rancangan pembangunan tanah melalui agensi-agensi pembangunan tanah negara seperti FELDA, FELCRA dan yang seumpamanya. Pembukaan tanah-tanah baru untuk dijadikan kawasan pertanian yang moden dan diagihkan pula kepada mereka yang tidak bertanah dan kelaparan tanah wajar dan perlu dibuat dan diteruskan malah diperhebatkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Kerajaan tidak perlu khawatir untuk meminjam wang bagi membiayai kos pembukaan tanah ini kerana program

pembangunan dan pembukaan kawasan baru untuk pertanian ini adalah merupakan suatu projek yang ekonomik, suatu projek yang viable di mana dalam jangka masa panjang pinjaman tersebut boleh dibayar melalui hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani yang menyertai rancangan-rancangan tanah tersebut.

Sungguhpun demikian, Tuan Yang Dipertua, harus diingat Menteri yang berkenaan yang telah ditambahkan kuasa berkaitan dengan Rang Undang-undang pindaan ini haruslah waspada di dalam meneliti, di dalam mengkaji dan menganalisa program-program pembangunan yang akan dilaksanakan itu. Kurang penelitian, kurang pengkajian dan penganalisaan di dalam menentukan viability sesuatu projek itu saya khawatir akan wujud gejala-gejala seperti kata pepatah: Papat di luar rencong di dalam; Telunjuk lurus kelingking berkait; Bertanam tebu di bibir; Lempar batu sembunyi tangan, hingga akhirnya apa yang kejar tak kedapatan, apa yang dikendong keciciran, ibarat Pak Kadok menang sabung, kampung tergadai.

Sekian dan saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pinjaman Luar Negeri, 1963. Terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Jasin.

5.14 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin): Tuan Yang Dipertua, saya bangun berucap dengan ringkas untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Walaupun pinjaman wang adalah perlu untuk membiayai pembangunan negara tetapi setengah parti Pembangkang telah menakutkan rakyat supaya menentang usaha Kerajaan meminjam wang daripada luar negeri untuk

pembangunan. Dalam kempen-kempen mereka itu mereka menyebutkan berapa banyakkah hutang negara yang ada sekarang dan apabila dipukulrata dengan jumlah rakyat Malaysia maka bererti seseorang itu akan menanggung hutang sekian banyak. Mereka seterusnya menakutkan rakyat lagi, kononnya ini bermakna apabila lahir seorang kanak-kanak maka dengan sendirinya kanak-kanak itu memikul hutang negara sekian banyak menyebabkan timbul rasa takut kepada rakyat jelata yang tidak faham atas perkara ini bagi menyokong usaha Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, sebuah Kerajaan samalah juga seperti seorang yang menjalankan perniagaan atau satu syarikat. Biasanya dalam perniagaan cara moden, pinjaman wang daripada institusi kewangan adalah merupakan satu perkara biasa. Sebuah syarikat yang baik, yang bijak, biasanya tidak menggunakan wang sendiri tetapi menggunakan wang orang lain untuk menjalankan perniagaan. Bank-bank di Malaysia atau di mana-mana juga dalam dunia pun memberikan pinjaman sehingga 80%, 70% atau 60% kepada peminjam-peminjam. Ini bererti wang pinjaman untuk digunakan bagi kemajuan syarikat itu lebih banyak daripada jumlah modal yang sedia ada kepada orang yang meminjam.

Perniagaan yang dijalankan semata-mata dengan modal sendiri adalah perniagaan cara lama dan lapuk. Kalau seseorang yang hendak menjalankan perniagaan mahu menggunakan wang modal dan wang modal itu dibuat dengan mengumpulkan sedikit-sedikit hasil pekerjaan mereka sehari-hari, maka orang ini tidak akan dapat memulakan perniagaannya kerana ianya mengambil masa yang lama untuk menyediakan modal yang cukup padahal modal boleh didapati dengan

mudah daripada institusi-institusi kewangan. Begitulah juga halnya dengan Kerajaan oleh kerana kita harus membangun dengan seberapa cepat bagi memperkukuhkan ekonomi, memperkukuhkan pertahanan negara kita kerana kita ada musuh, maka pinjaman wang daripada luar negeri ini sangatlah penting.

Tuan Yang Dipertua, Wakil dari Kuala Lumpur Bandar merasa kebimbangan dan mengkritik Kerajaan kerana terlampau banyak meminjam wang.

Tuan Yang Dipertua, apa yang saya takut ialah kalau sekiranya institusi kewangan dunia seperti Bank Dunia, ADB atau negara-negara sahabat yang lain enggan meminjamkan wang kepada negara kita. Ini membimbangkan kita. Bukan semuanya negara dalam dunia dengan mudah dapat meminjam wang daripada institusi kewangan. Projek-projek mereka itu dikaji lebih dahulu, kedudukan politik di negara itu diteliti supaya menentukan bahawa wang pinjaman itu dapat dibayar balik. Setelah mereka puas hati barulah wang pinjaman dikeluarkan. Kalau sekiranya Bank Dunia atau institusi kewangan yang lain tidak mahu lagi meminjamkan wang kepada Malaysia, ini merupakan satu mala petaka kepada kita. Kepada saya semakin banyak wang pinjaman diperolehi daripada institusi kewangan adalah menunjukkan bahawa lebih besar kepercayaan orang luar terhadap negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, kita ambil satu contoh negara Amerika Syarikat. Pada mula-mula negara Amerika Syarikat itu dibuka mereka berkeadaan miskin dan Kerajaan Amerika itu banyak meminjam wang daripada negara-negara Eropah. Tetapi beberapa ratus tahun kemudiannya bukan sahaja wang-wang yang dipinjam telah dibayar

balik, malahan Amerika menjadi sebuah negara yang paling kuat dan maju dalam dunia pada hari ini dan menjadi sebuah negara peminjam yang utama. Saya berharap negara kita Malaysia akan menjadi seperti itu satu hari kelak. Kita boleh meminjam dengan seberapa banyak yang boleh untuk membangunkan negara kita sehingga kita boleh berdiri di atas kaki sendiri dan mungkin dapat menjadi satu negara yang boleh meminjamkan wang kepada orang lain.

Teguran yang dibuat oleh sahabat saya yang saya dengar sebentar tadi supaya Menteri berwaspada meneliti di atas projek-projek yang dijalankan dan sebagainya. Pada kebiasaannya mengikut pengalaman saya bukanlah seorang Menteri itu sahaja yang mempunyai kuatkuasa untuk meminjam wang daripada luar negeri. Segala pinjaman wang daripada luar negeri mestilah diluluskan oleh Kabinet, oleh Parlimen dan juga projek-projek yang dilaksanakan diluluskan oleh kita bersama.

Oleh sebab itu kebimbangan kita bahawa akan berlaku penyelewengan kepada wang pinjaman itu tidak akan timbul. Mungkin juga setelah dikaji dengan halus dan pada kemudian harinya didapati projek itu ter-bengkalai—tidak mendatangkan faedah, ini pun adalah merupakan perkara biasa.

Tetapi bagi kita di Malaysia ini kepercayaan orang sangatlah besar, memberi pinjaman wang dengan begitu mudah kerana mereka percaya:

(1) projek yang kita sediakan ada mendatangkan faedah;

(2) mereka itu sedar bahawa ada political stability, kemantapan politik di Malaysia ini, kerana selama-lamanya kita menjalankan pemerintahan secara demokrasi, dan wang yang dibawa masuk ke Malaysia

ini dikaji dengan halus oleh Parlimen, oleh Wakil Rakyat dan mereka itu percaya wang pinjaman ini akan dapat dibayar balik.

Kita lihat berita-berita dari negeri orang, sekarang ini pun sedang berlaku di mana mereka itu berhempas pulas hendak meminjam wang daripada luar negeri tetapi tidak berjaya kerana negeri itu dalam keadaan huru-hara.

Jadi dalam soal ini tidak ada apa-apa kebimbangan yang perlu kita bangkitkan di sini.

Sekali lagi saya sebutkan, Tuan Yang Dipertua, saya bercakap ini untuk dihalakan kepada parti Pembangkang supaya tidak lagi menakut-nakutkan rakyat dalam soal pinjaman wang. Sebaliknya kita patut menggalakkan rakyat yang sekarang ini hendak mengisi Dasar Ekonomi Baru terutama bumiputera supaya berani melangkah ke hadapan meminjam wang.

Wang-wang dalam bank terlampau banyak pada hari ini. Ada setengah bank menjaja wangnya kepada orang ramai untuk dipinjam. Kalau sekiranya kita menakut-nakutkan rakyat meminjam wang kerana ini boleh jadi bankrupt, kita menghadapi kemunduran dan ini akan melambatkan usaha memajukan peniaga-peniaga kecil terutama sekali dari kalangan bumiputera.

Saya bersetuju juga dengan pandangan yang dikemukakan oleh sahabat saya dari Tanjong tadi supaya Kerajaan lebih berjimat menggunakan wang. Saya sedar Kerajaan dari masa ke semasa ada menjalankan langkah berjimat cermat ini tetapi ada lebih baik kiranya dapat ditubuhkan satu Jawatankuasa Parlimen untuk meninjau semua perbelanjaan ataupun usaha yang dijalankan oleh semua Kementerian termasuk juga barangkali Kerajaan-kerajaan Negeri

dan sebagainya untuk membuat recommendation kepada Kerajaan iaitu di manakah perbelanjaan-perbelanjaan yang boleh dipotong, yang boleh diselamatkan. Kerana orang-orang yang berada di luar Kerajaan tentu dapat melihat dengan jelas bagaimana membazirnya setengah-setengah wang yang dibelanjakan itu. Kerajaan tidak harus takut dalam perkara ini kerana tujuannya adalah baik supaya kita dapat bekerjasama bagaimana kita boleh menjimatkan lagi wang Kerajaan. Saya tidak dapat hendak menunjukkan contoh di sini kerana perkara ini tentulah terlalu banyak, tetapi saya percaya Ahli-ahli Parlimen dan juga orang di luar negeri nampak bagaimana setengah-setengah perbelanjaan itu boleh dijimatkan. Dan ini jika dapat dijalankan tentulah banyak wang negara kita dapat diselamatkan dan boleh digunakan untuk pembangunan yang lain.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Pasir Putih.

5.24 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Putih): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyokong Akta untuk meminda Akta Pinjaman Wang Luar Negeri 1963. ✓

Saya dalam menyokong Rang Undang-undang ini berasa bangga apabila negara saya Malaysia ini mempunyai banyak hutang dan lebih-lebih lagi apabila dengan keadaan banyak hutang itu masih ada negara yang sanggup memberi hutang kepada negara kita. Inilah kebanggaan saya apabila saya menyatakan bahawa sebuah negara yang banyak hutang tetapi masih banyak negara-negara lain yang sanggup memberi hutang. Ini membuktikan bahawa sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Jasin menyatakan bahawa kepercayaan negara asing kepada negara kita juga institusi kewangan dunia terhadap

negara kita adalah begitu yakin sekali. Kita mempunyai keteguhan ekonomi negara kita, juga kestabilan politik dan juga tentang keselamatan dalam negara kita ini.

Sebagaimana yang kita tahu kalau kita anggap kepada orang, makin kaya seseorang itu maka saya rasa makin banyak hutangnya dan dengan banyak hutangnya itu menyebabkan perniagaan ataupun susunan pendapatan orang itu makin bertambah. Maka kalau kita bandingkan dan kalau kita mengikut daripada yang ada sekarang bahawa Amerika Syarikat sebuah negara yang kaya, tetapi masih lagi berhutang kepada Bank Dunia. Masih lagi meminta hutang daripada institusi kewangan antarabangsa demi untuk pembangunan dan juga untuk polisi kewangan negaranya. Jadi kita tidak hairanlah bagi negara kita sebuah negara yang membangun seperti ini kalau kita berhutang. Inilah kebanggaannya sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Jasin kata tadi kita masih diberi kepercayaan untuk diberi hutang. Cuma kalau sekiranya negara kita ini jatuh ke tangan Pembangkang, saya tidak tahu. Kalau dalam tangan Pembangkang sudah tentu politik negara ini tidak stabil dan keadaan negara kucar-kacir, huru-hara akan berlaku, sudah tentu pinjaman luar yang kita harapkan tidak akan dapat walaupun satu sen. Tidak ada kepercayaan daripada negara-negara luar. Inilah sebagai satu kebanggaan yang mengatakan bahawa negara kita ini kukuh dan boleh membentuk ekonomi atau pembangunan yang lebih sempurna bagi mencapai kebaikan di dalam negara kita.

Cuma saya hendak menyebutkan bahawa pinjaman luar yang kita harapkan ialah pinjaman luar bukan sahaja memberi faedah ataupun pembangunan kepada satu golongan sahaja. Misalnya kita dapati bahawa

pinjaman luar ini kadang-kadang ditumpukan kepada kawasan bandar. Dan untuk faedah golongan-golongan di dalam bandar ataupun golongan-golongan tertentu. Tetapi jarang kita dengar bahawa pembangunan pinjaman luar ini digunakan untuk pembangunan di luar bandar yang masih diharapkan oleh rakyat yang miskin.

Misalnya kita tahu bahawa kalau kita sebut ini tentulah menyatakan bahawa kita membuat lebuhraya-lebuhraya di luar bandar, tetapi sebenarnya rakyat miskin tidak perlu lebuhraya, dan tidak perlu menar-menara yang cantik, tetapi rakyat di kampung ia perlu jalan-jalan kecil ditarkan, ia perlukan pondok-pondok kecil daripada atap genting ke atas zinc. Ia perlukan pondok-pondok, ia perlukan dewan orang ramai, ia perlukan wakaf-wakaf tetapi dia tidak perlu menara tinggi. Dia tidak perlu jalan yang lebar memadai untuk berjalan kaki sudah cukup ataupun untuk naik basikal pun sudah cukup, asal jalan itu tidak becak. Pinjaman luar negeri ini hendaklah digunakan dalam masa, atau dalam keadaan meleset sekarang ini biarlah rakyat yang ada di dalam keadaan miskin di luar bandar itu juga menerima pembelaannya. Tidaklah kita hadapkan pinjaman luar ini untuk kepentingan pembangunan besar yang saya rasa rakyat-rakyat kampung dari segi jangka pendeknya ia tidak nampak apakah pentingnya pembangunan.

Dan walau Kerajaan mana sekalipun memerintah dia kata keadaan itu mesti juga buat. Jadi, dengan sebab itulah, saya minta kepada pihak berkenaan supaya mengutamakan projek-projek kecil, culvert kecil ataupun jalan-jalan, saluran-saluran air, jalan-jalan kecil, wakaf diutamakan daripada hasil pinjaman ini. Janganlah pinjaman ini

digunakan untuk pembangunan-pembangunan yang besar, misal kata keadaan yang ada dalam bandar sekarang ini kadang-kadang jalan yang sudah cantik dilapis supaya bertambah cantik, tetapi jalan yang masih lecah di kampung akan terus berada dalam keadaan becak, lecah—ini yang kita tidak mahu. Kerana sebagaimana yang kita tahu bahawa pembangunan di luar bandar dan juga keadaan kemiskinan rakyat sebagaimana yang dibangkit oleh setengah-setengah orang itu adalah perlu kita utamakan demi untuk menampung, untuk menjamin lagi kestabilan di dalam negara ini, lebih-lebih lagi kita tidak mahu perbezaan yang terlampau jauh di antara penduduk bandar dengan penduduk luar bandar. Apabila perbezaan yang terlampau jauh masyarakat yang juga berbeza serta cara-cara hidup yang berbeza, maka sudah tentu kestabilan politik dan juga keselamatan negara dan segala-galanya tidak akan kita nikmati sebagaimana kita nikmati sekarang ini.

Walaupun kita tahu Kerajaan telah berusaha ke arah ini, tetapi dalam keadaan meleset seperti ini pun janganlah sepatutnya keadaan yang perlu dibela di kawasan luar bandar ini akan terus memberi pembelaan, jangan kita tinggalkan. Kalau kita bercakap soal lebuhraya, kita bercakap soal menara, kita bercakap soal lapangan itu, lapangan ini dan dengan bullet trainnya, segala-galanya tidak berfaedah. Katanya segala-gala ini akan menjahanamkan kehidupannya kerana katanya menjahanamkan kehidupannya, tanahairnya habis diambil.

Selain daripada itu dengan keadaan perubahan yang dilakukan itu, dengan keadaan yang mengejut itu akan berlakulah keadaan perubahan yang mengejut kepada masyarakat kampung yang juga boleh menjahanamkan keadaan sosial dalam negara ini.

Jadi saya sekali lagi ingin menekankan bahawa pinjaman untuk pembangunan luar bandar ini adalah perlu diutamakan daripada projek-projek besar, menara-menara tinggi demi untuk kepentingan dan kestabilan negara. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.24 ptg.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan terhadap pemindaan Rang Undang-undang ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, dari Tanjong, dari Jasin, Tenggaroh dan juga Kuala Lumpur Bandar.

Selain daripada meyakinkan saya bahawa kalau sekiranya banyak pinjaman kita buat dari negara-negara asing, ini menunjukkan bahawa kita mempunyai keadaan yang baik, yang stabil dan orang percaya kepada kita dan dengan itu - pada kebiasaannya senang mendapat pinjaman-pinjaman untuk pembangunan. Ada juga beberapa cadangan-cadangan sebagai ingatan dari Ahli-ahli Yang Berhormat terutama mengingatkan supaya projek-projek yang akan dibuat melalui pinjaman-pinjaman ini haruslah projek-projek yang viable.

Tuan Yang Dipertua, sememangnya sebagai yang bertanggungjawab mengendalikan wang Kerajaan sudah sewajarnya wang itu hanya digunakan bagi projek-projek yang viable, projek-projek yang telah difikirkan sesuai, projek-projek yang telah dipertimbangkan sedalam-dalamnya sebelum pinjaman-pinjaman itu dibuat. Dalam pada itu ada kalanya juga oleh sebab keadaan-keadaan tertentu yang di luar

jangkaan ataupun di luar kuasa, mungkin juga pada satu-satu projek itu mendapat ataupun kurang mendapat kejayaan seperti yang diharapkan.

Menyentuh tentang cadangan yang dikemukakan oleh wakil dari Pasir Putih supaya projek-projek yang dibuat dari wang pinjaman ini hendaklah sentiasa diselaraskan dengan kehendak-kehendak rakyat jelata, insya Allah Tuan Yang Dipertua, perkara ini akan difikirkan dan dipertimbangkan sedalam-dalamnya dan di mana sesuai cadangan ini sudah tentu akan diteliti dengan baik.

Tuan Yang Dipertua, oleh sebab wakil-wakil dari Tanjong, dari Pasir Putih, dari Tenggaroh dan Jasin tadi kebanyakannya telah membuat sokongan-sokongan, tetapi beberapa perkara yang telah disentuh oleh wakil dari Kuala Lumpur bandar yang mana rasa saya agak perlu saya tegas, saya terangkan sedikit supaya tidak memberi fahaman yang salah.

Pertama sekali wakil dari Kuala Lumpur Bandar telah menyebut tentang Kolej Politeknik di Kuantan yang kononnya tender Kolej tersebut telah diberi dengan sewenang-wenangnya dan ini telah menyebabkan kegagalan si penender.

Tuan Yang Dipertua, saya masih ingat di sesi yang lepas soalan mengenai perkara ini telah dikemukakan dan telah pun dijawab di mana saya telah menyatakan sebenarnya tender ini telah diberikan kepada satu syarikat setelah mendapat persetujuan dari Bank Dunia sebagai sumber yang mendatangkan kewangan bagi pembinaan Kolej Politeknik di Kuantan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa tujuan utama Rang Undang-undang ini diubah, dipinda bukanlah dengan

tujuan untuk sewenang-wenangnya, menambahkan pinjaman, tetapi ianya seperti saya katakan tadi bertujuan supaya memberikan flexibility yang lebih kepada Menteri berkenaan supaya pinjaman-pinjaman itu senang diuruskan.

Pinjaman-pinjaman daripada luar negeri tidak semuanya diperolehi di bawah kuasa Akta Pinjaman Luar Negeri, 1963 yang sedang kita bincangkan.

Tuan Yang Dipertua, ada pinjaman-pinjaman lain sebagai contoh pinjaman daripada Bank Dunia, pinjamannya dibuat di bawah Akta Pinjaman Bank Dunia, pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia pula dibuat di bawah Akta yang lain pula. Jadi begitu jugalah pinjaman-pinjaman berbentuk kredit, sebagai misalan kredit pembekal dibuat di bawah undang-undang yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah merasa takut-takut bahawa pinjaman kita ini agak terlalu besar dibandingkan dengan keupayaan kita membayar. Inginlah saya menjelaskan di sini bahawa ceiling ataupun had yang dibenarkan kita membuat pinjaman pada satu-satu ketika adalah diluluskan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri. Ertinya walaupun Akta ini dipinda dengan flexibility yang agak lebih bagi Menteri Kewangan tetapi Menteri tersebut tidak boleh membuat pinjaman-pinjaman sesuka hatinya sendiri. Pada waktu ini ceiling yang dibolehkan kita membuat pinjaman ialah sebanyak \$20,000 juta sedangkan pinjaman-pinjaman pada waktu ini hanyalah kalau tak silap saya \$14,092.17 juta, seperti saya nyatakan di dalam soal-jawab mulut tadi.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja yang dapat saya beri jawapan kepada perkara-perkara yang telah

ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya berterima kasih kepada semua mereka yang telah memberi pandangan-pandangan yang membina dan saya percaya yang mana sesuai kita akan ambilkira, ambilkaji sewaktu kita menjalankan pinjaman-pinjaman luar negeri kita.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

5.46 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) 1983, iaitu

untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dibacakan bagi kali yang kedua.

Ordinan Lalulintas Jalan Tahun 1958 merupakan undang-undang yang mengawal pergerakan kereta-kereta motor di atas jalan raya serta industri pengangkutan jalan di Semenanjung Malaysia. Ianya merangkumi kaedah-kaedah mengenai semua aspek pengangkutan jalan termasuk peraturan-peraturan mengenai kereta motor, pendaftaran kereta motor, pelesenan kereta motor, pelesenan pemandu kereta motor, kesalahan-kesalahan yang bersangkut-paut dengan kereta motor. Semuanya ini terkandung di dalam bab-bab 1, 2, 3, 4 dan 6. Manakala peraturan-peraturan mengenai pelesenan kenderaan-kenderaan pengangkutan awam dan pengangkutan barang-barang terdapat pada bab 5, Ordinan ini. Bab 5 juga menyentuh peraturan-peraturan rayuan yang perlu diikuti oleh Menteri apabila menimbangkan rayuan-rayuan.

Lembaha Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ) adalah ditubuhkan di bawah kuatkuasa seksyen 105 (1), Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dan bertanggungjawab khusus untuk melaksanakan sebahagian kecil peruntukan-peruntukan Ordinan Lalulintas Jalan 1958, iaitu mengenai pelesenan kenderaan-kenderaan pengangkutan awam dan pengangkutan barang-barang seperti yang terkandung di dalam bab 5.

(Tuan Yang Dipertua, *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, dengan perkembangan industri pengangkutan telah didapati bahawa minat terhadap mendapatkan lesen-lesen kenderaan pengangkutan awam dan pengangkutan barang-barang telah meningkat dengan nyata. Contohnya dalam tahun 1979 sejumlah 13,050 permohonan telah diterima dan baki

pada akhir tahun 1978 yang belum diuruskan pada masa itu ialah sebanyak 20,448. Manakala bagi tahun 1982 jumlah ini telah meningkat kepada 15,436, pada hal baki tahun 1981 yang belum diuruskan pada masa itu ialah sebanyak 10,418 permohonan, bahkan dalam tahun 1983 setakat bulan Ogos, jumlah permohonan yang telah diterima ialah 6,872.

Pada masa ini tunggakan permohonan yang masih belum diselesaikan itu merupakan satu masalah utama yang dihadapi oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Sungguhpun usaha-usaha positif dalam menyelesaikan masalah ini telah pun ditingkatkan seperti mengadakan lebih banyak temuduga-temuduga dan mesyuarat-mesyuarat Lembaga, namun ianya masih lagi belum dapat menyelesaikan masalah tunggakan sepenuhnya.

Faktor yang menghalang usaha-usaha ke arah penyelesaian masalah ini ialah keperluan mematuhi prosedur-prosedur berdasarkan undang-undang yang sedia ada, iaitu seksyen-seksyen 113 dan 117, Ordinan Lalulintas Jalan 1958 seperti mewartakan semua permohonan-permohonan dan mengadakan perbicaraan, dengan izin, "public hearing" yang begitu rumit prosedurnya sehingga menyekat kelicinan kerja Lembaga. Proses mewartakan permohonan dan mengadakan perbicaraan mengambil jangkamasa yang panjang dan mengakibatkan permohonan-permohonan tidak dapat diselesaikan dalam kadar yang segera. Sekiranya pihak Lembaga tidak mengikut mana-mana satu daripada prosedur yang ada, maka ianya boleh dibawa ke mahkamah oleh pihak pemohon. Perkara ini telah pun berlaku dalam kes-kes di mana pihak Lembaga tidak menghantar minit-minit perbicaraan Lembaga kepada pemohon-pemohon

untuk asas mereka membuat rayuan apabila ditolak permohonan mereka. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk membetulkan keadaan ini dengan memudahkan serta meringkaskan prosedur-prosedur yang sedia ada supaya keadaan tersebut tidak terbiar berterusan dan menjejaskan imej Kerajaan di kalangan orang ramai dan supaya tercapai hasrat Kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang benar-benar cekap.

Tuan Yang Dipertua, menurut seksyen 129, semua pemohon-pemohon lesen pengangkutan awam dan pengangkutan barang-barang boleh membuat rayuan kepada Menteri jika mereka tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga. Di masa ini Menteri Perusahaan Awam adalah Menteri yang mendengar rayuan-rayuan tersebut dan membuat keputusan bersesuaian dengan Akta tugas-tugas Menteri dan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Awam.

Menurut seksyen 2 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 pula, Menteri yang dinyatakan sebagai bertanggung-jawab mengenai peruntukan-peruntukan Ordinan ialah Menteri yang mempunyai tanggungjawab ke atas pengangkutan. Ini menyebabkan kekeliruan intepretasi sebenar perkataan "Menteri" di dalam Ordinan tersebut, telah terdapat adanya kes-kes mahkamah di mana kuasa-kuasa Menteri mengikut peruntukan bab 5 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dipersoalkan. Maka Rang Undang-undang ini akan mengelakkan ketidakpastian ini dan memberikan intepretasi Menteri yang bertanggung-jawab kepada peruntukan bab 5 Ordinan tersebut dengan tepat dan jelas.

Dalam sudut yang lain pula, menurut seksyen-seksyen 129 dan 130, setiap rayuan perlu dipertimbangkan oleh Menteri dan permohonan-permohonan rayuan ini berkehendakkan perbicaraan (public hearing). Rayuan-rayuan perlu dipertimbangkan dengan teliti dan mengambil jangkamasa yang panjang tanpa mengira sama ada ianya dimajukan oleh pemohon-pemohon yang benar-benar ingin menceburkan diri dalam bidang pengangkutan dan mempunyai pengalaman ataupun pemohon-pemohon yang ingin memperkembangkan lagi aktiviti pengangkutan mereka ataupun pemohon-pemohon yang cuma setakat mencuba nasib dan tidak langsung mempunyai kemahiran ataupun keikhlasan untuk berkecimpung dalam bidang pengangkutan. Setiap tahun beribu-ribu rayuan perlu dipertimbangkan dan memerlukan keputusan. Kesemua rayuan perlu diuruskan sendiri oleh Menteri kerana tiada peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang sekarang yang membolehkan Menteri menurunkan kuasa rayuan kepada mana-mana pihak.

Sehingga akhir bulan Ogos, 1983 terdapat 1,717 rayuan yang telah dimajukan untuk berbagai jenis lesen untuk pertimbangan Menteri. Adalah tidak wajar dan tidak praktikal bagi Menteri untuk meneliti sendiri tiap-tiap satu rayuan seperti yang dilakukan sekarang sebagai memenuhi kehendak Ordinan Lalulintas, maka pindaan kepada seksyen-seksyen 129 dan 130 akan memperuntukkan kaedah mempertimbangkan rayuan-rayuan tersebut agar ianya lebih praktikal dan berkesan. Dengan pindaan ini Menteri bolehlah menurunkan kuasa mendengar rayuan kepada Jawatankuasa dalam usaha untuk mempercepatkan prosesan permohonan-permohonan rayuan dan dipertimbangkan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.54 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya suka memberi sedikit pandangan terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan mengambil kesempatan ini untuk mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, antara pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini ialah tentang fasal 10 yang bertujuan mengadakan satu seksyen yang baru dengan membuat peruntukan mengenai prosedur berhubungan dengan rayuan di bawah Bahagian V Ordinan Lalulintas ini.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya seksyen baru ini maka seorang pemohon lesen yang tidak bersetuju dengan keputusan Lembaga Pelesenan tentang permohonannya boleh dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan Lembaga Pelesenan merayu secara bertulis kepada Yang Berhormat Menteri dengan memberi alasan-alasan atau sebab-sebab mengenai rayuannya.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya peruntukan ini maka bererti bahawa Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa yang tertentu tentang segala permohonan lesen untuk kenderaan-kenderaan per-

dagangan sama ada lori-lori ataupun teksi-teksi di mana sepertimana yang dikatakan oleh Menteri itu tadi si pemohon ada peluang untuk menyampaikan rayuan kepada Menteri yang berkenaan.

Dengan adanya kuasa ini maka saya hendak menyatakan di sini tentang begitu mustahak supaya Yang Berhormat Menteri dapat melaksanakan tugasnya dan menggunakan kuasanya dengan cara yang adil dan apa yang mustahak sekali ialah saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri dapat bersimpati dengan si pemohon-pemohon lesen khasnya lesen untuk memandu teksi memandangkan bahawa pada masa yang lalu ada ramai si pemohon-pemohon lesen teksi yang tidak berjaya dalam permohonan lesen mereka sungguhpun mereka yang sebenarnya layak untuk memohon lesen itu.

Saya juga suka mengesyorkan di sini bahawa tentang tempoh 30 hari ini, saya berpendapat bahawa mungkin masa yang ditetapkan ini adalah begitu singkat dan saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menimbang bahawa masa 30 hari ini dapat disambung misalnya ke satu tempoh yang lebih panjang iaitu 2 bulan ataupun 60 hari bagi tujuan untuk membolehkan si pemohon lesen yang tidak berjaya dalam permohonan mereka untuk membuat rayuan secara bertulis dengan melengkapkan rayuan mereka dengan bukti-bukti yang cukup dan lengkap.

Selain daripada itu, saya juga suka menarik perhatian Tuan Yang Dipertua kepada fasal 11 yang bertujuan mengadakan satu seksyen 130 yang baru untuk membolehkan Menteri melantik jawatankuasa bagi menimbang sesuatu rayuan yang dibuat di bawah Bahagian V Ordinan dan membuat syor-syor kepada Menteri berkenaan dengan rayuan itu.

Dan ada disebut dalam Rang Undang-undang ini bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh melantik satu jawatankuasa yang terkandung dari 2 orang atau lebih untuk menganggotai jawatankuasa ini untuk membantu Yang Berhormat Menteri untuk meneliti tiap-tiap kes rayuan yang dibuat.

Di sini juga saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ini siapakah yang akan dilantik oleh kerana saya rasa adalah itu mustahak supaya orang-orang yang dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa ini boleh meneliti dan menimbangkan setiap rayuan yang dibuat dengan cara yang betul dan dengan cara yang bersimpati supaya tiap-tiap si pemohon yang membuat rayuan boleh mendapat satu jaminan bahawa kes rayuan mereka dapat dipertimbangkan dengan berhati-hati.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa itulah yang saya ingin menyampaikan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

6.01 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Padang Terap): Tuan Yang Dipertua, saya bangun turut menyokong pindaan Akta Lalulintas Jalan 1983 yang dibentangkan di hadapan saya ini yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam sebenar tadi yang mana saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kementerian ini sejak Menteri yang dahulu lagi telah mengadakan satu dasar iaitu sesiapa juga yang menjalani teksi begitu lama berhak mendapatkan lesen. Inilah yang dirasai dan dinikmati oleh pembawa-pembawa teksi-teksi dan kereta-kereta sewa. Setiap hari mereka membawa orang punya mendapat sedikit upahan dan penderitaan dan siksaan yang dirasai oleh pembawa teksi yang mana wang yang diperolehi itu dibahagi dua dan

mereka tidak dapat pendapatan lumayan pada satu hari kerana pendapatan mereka terlalu kecil kadangkala tidak dapat membayar sewanya.

Sebagaimana yang tercatat di dalam Rang Undang-undang ini Fasal 11 bertujuan mengadakan satu seksyen 130 yang baharu untuk membolehkan Menteri melantik jawatankuasa-jawatankuasa bagi menimbang sesuatu rayuan yang dibuat di bawah Bahagian V Ordinan dan membuat syor-syor kepada Menteri berkenaan dengan rayuan itu. Setahu saya perkara ini telah pun ada dan telah pun dijalankan. Saya minta kepastian Menteri menjelaskan nanti. Sepanjang yang saya tahu teksi-teksi dan bas-bas ekspres ini sudah terlalu banyak di atas jalan raya. Bersimpang siur mini bas dan bas ekspres, dengan adanya dua kenderaan ini teksi-teksi telah mendakwa bahawa mereka telah berkurangan mendapat rezeki disebabkan bas ekspres mengambil penumpang di mana-mana tempat dengan bayaran begitu murah, jadi pembawa teksi telah mendakwa bahawa rezeki kami telah berkurangan jika dibandingkan sebelum bas ekspres ini diluluskan. Oleh itu saya mintalah sebagaimana kata sahabat saya daripada Kuala Lumpur Bandar tadi rayuan-rayuan ini hendaklah diteliti sungguh-sungguh supaya jangan banyak sangat lesen teksi dan bas ekspres kerana perlumbaan antara dua gergasi ini, maka rezeki pembawa-pembawa teksi akan berkurangan, bahkan mereka telah merungut apabila membawa penumpang-penumpang mengatakan rezeki kami telah berkurangan. Kalau bahasa bangsa asing menggunakan bahasa pasar, "banyak susahlah sekarang", katanya.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya banyak sangat teksi-teksi dan bas ekspres ini, bas ekspres ini bila berjalan lebih laju daripada kereta

sports, jadi apabila bas ekspres ini berjalan kereta-kereta lain dia tidak peduli, kadang-kadang tersinggung, kadang-kadang bas ekspres terjunam dan banyak kejadian berlaku, maka inilah saya minta diperhatikan oleh Menteri yang berkenaan supaya bas ekspres janganlah dikeluarkan lagi cukuplah setakat mana yang sudah ada di atas jalan raya ini. Saya menyokong. Sekian.

6.05 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu suatu Akta untuk meminda Lalulintas (Jalan), 1958.

Tuan Yang Dipertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya ingin hendak mengemukakan beberapa pandangan iaitu apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi berkenaan dengan banyaknya permohonan-permohonan yang telah dikemukakan kepada Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan. Saya percaya perkara ini timbul adalah disebabkan oleh pada satu masa dahulu banyak pemandu teksi yang telah menyewa teksi kepunyaan pemegang-pemegang lesen yang telah diluluskan pada beberapa waktu yang lepas. Oleh kerana dasar sekarang pemegang-pemegang lesen atau permit hendaklah memandu sendiri teksi mereka oleh itu banyaklah pemandu-pemandu yang menyewa permit daripada orang lain yang berhenti kerja ataupun kehilangan kerja maka mereka pun yang ada mempunyai PSB gelarannya lalu membuat permohonan untuk mendapatkan permit teksi sendiri, jadi banyaklah terdapat permohonan-permohonan yang selalunya disalurkan melalui Wakil-wakil

Rakyat. Tetapi malangnya kebanyakan daripada permohonan-permohonan yang dihantar ini seperti yang dinyatakan oleh beberapa kawan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang juga gagal di peringkat Lembaga Pelesenan. Sebab itulah apabila mereka gagal dalam peringkat awal mereka telah membuat rayuan kepada peringkat Menteri kerana kalau sekiranya permohonan mereka itu terus tidak mendapat layanan bererti mereka telah hilang mata pencarian hidup.

Oleh itu, saya berharap kepada pihak rayuan ataupun Lembaga Pelesenan supaya benar-benar mengkaji dan meneliti siapakah yang betul-betul berkelayakan, siapakah yang benar-benar patut dikeluarkan lesen untuk memberi semula kehidupan kepada mereka itu.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi masalah yang selalu timbul di dalam soal mendapat permit atau lesen iaitu lesen pengangkutan barang. Pada hari ini telah muncul beberapa banyak usahawan-usahawan bumiputera yang cuba menjalankan berbagai-bagai perniagaan di kawasan-kawasan luar bandar seperti menjalankan perniagaan membuka kilang pasir, batu bata dan berbagai-bagai barang lagi yang diusahakan melalui kilang-kilang pasir ini. Jadi mereka menghadapi masalah pengangkutan. Yang selalunya peringkat mula mereka terpaksa menyewa lori-lori daripada syarikat-syarikat lain untuk mengurus ataupun untuk menjalankan transport perniagaan mereka daripada tempat perniagaan kepada pemohon-pemohon. Oleh itu mereka mengemukakan permohonan kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk mendapat lesen ataupun permit "A". Ini juga selalunya apabila sampai ke peringkat Lembaga Pelesenan jawabnya "dukacita". Kemudian apabila dibuat rayuan

baharulah mungkin mendapat pertimbangan semula. Rasa saya kalau sekiranya permohonan awal mendapat pertimbangan ataupun dibuat penyiasaan yang rapi sudah tentulah timbul masalah rayuan yang sampai ke meja Menteri. Jadi di sini saya mengesyorkan kepada Kementerian ini melalui Rang Undang-undang yang telah dikemukakan supaya mengkaji soal-soal yang meringankan tugas Lembaga Pelesenan dan juga tugas Menteri sendiri iaitu dengan membuat penelitian dan membuat pengkajian sesuatu masalah yang timbul daripada peringkat bawah ataupun daripada pemohon-pemohon yang mengemukakan permohonan mereka.

Tuan Yang Dipertua, saya dengan ini memberikan sokongan kepada pindaan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

Dato Haji Saidin bin Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 atau Akta ini boleh dinamakan Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya memanglah bersimpati di samping menyokong Rang Undang-undang atau Akta yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri itu. Saya simpati di atas keadaan pengurusan yang begitu sulit dan sukar bagi melicinkan pentadbiran di Kementerian itu oleh kerana sebagaimana yang didakwakan oleh beliau tadi setiap permohonan mestilah disemak sendiri, ditapis sendiri dan diselidiki oleh Menteri itu maka dengan sebab itu suatu Akta telah dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk mengemaskinikan lagi

pengurusan dan pentadbiran Kementerian itu khususnya dari segi memproses permohonan-permohonan lesen daripada orang ramai.

Saya suka menarik perhatian maksud untuk melicinkan lagi permohonan-permohonan daripada orang ramai ialah terkandung di dalam Fasal 10 dan ada kaitan dengan Fasal 11 dan Fasal 12. Ketiga-tiganya saya rangkumkan sekali. Saya ber-setuju bahawa dengan adanya sebuah lembaga yang khusus untuk menimbang dan memproses lesen-lesen atau permohonan-permohonan daripada orang ramai itu maka kerja-kerja memproses ini akan dapat berjalan lebih teratur dan lebih sempurna di samping akan memberi puas hati kepada orang ramai terutama mereka yang telah lama memohon sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi beberapa permohonan yang diumpamakan sebagai tunggakan yang tidak dapat diselesaikan yang menjadi satu masalah kepada Kementerian ini.

Jadi langkah ini adalah satu langkah yang praktikal bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kementerian ini. Akan tetapi perlulah juga pihak Yang Berhormat Menteri, sungguhpun beliau mempunyai kuasa untuk melantik Jawatankuasa sebagai mewakili di dalam mengkaji, menyelidik, menyemak, menyasat tentang permohonan-permohonan itu supaya dapat memilih orang yang benar-benar bertanggungjawab kerana kita tidak mahu untuk menyelesaikan satu masalah bagi mempercepatkan pemerosesan lesen ini akan timbul berbagai masalah. Umpamanya, kita bimbang, kita takut Jawatankuasa kini akan menggunakan kedudukannya bagi memberi pertimbangan kepada kaum keluarga ataupun orang-orang kenalan mereka sahaja yang dapat diberikan keutamaan. Kalau ini menjadi

kenyataan, maka gagallah harapan Yang Berhormat Menteri untuk mewujudkan satu sistem pengurusan meluluskan lesen dengan secara yang lebih adil kerana kuasa yang diberi itu kita bimbang akan disalahgunakan oleh Jawatankuasa itu. Oleh sebab itu kerja-kerja susulan hendaklah sentiasa dibuat dengan rapi supaya keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa itu benar-benar berlandaskan kepada keadilan dan tidak memihak kepada sesuatu pihak sahaja dan tempoh perlantikan Jawatankuasa itu, kalau boleh biarlah, di sini tak disebut, barangkali saya tidak dapat melihatnya, biarlah dalam tempoh yang singkat. Sehabis-habis lama tempohnya setahun, biarlah kita terpaksa membaharui semula kerana dengan cara yang demikian kita akan dapat mengesan mana-mana mereka yang telah melakukan penyelewengan dapat disingkirkan supaya tidak lagi meneruskan khidmatnya untuk menjadi Ahli Lembaga Pelesenan ini.

Perkara yang kedua, apabila disebut masalah kenderaan bermotor itu, sebagai seorang Wakil Rakyat di kawasan luar bandar, saya sungguh-sungguh terasa tentang kepentingan dan keperluan kenderaan di kampung-kampung terutama di kawasan-kawasan pendalaman. Sungguhpun Kerajaan telah mengadakan berbagai peluang untuk memudahkan pengangkutan di kawasan-kawasan luar bandar akan tetapi hakikat yang sebenarnya kita dapati bahawa dengan kaedah mengeluarkan lesen-lesen teksi kepada penduduk-penduduk luar bandar dengan harapan untuk membolehkan pemandu teksi anak-anak tempatan itu memberikan khidmatnya dalam sektor perkhidmatan pengangkutan di kawasan-kawasan luar bandar, kadang-kadang kita merasa kecewa kerana teksi-teksi itu terpaksa bergerak lebih jauh daripada kawasan-kawasan yang kita fikir patut mereka bergerak kerana mereka terpaksa

mencari pendapatan yang lebih untuk menampung keperluan hidupnya sama ada dari segi perbelanjaan hidup dan juga pengurusan dan perbelanjaan teksi itu sendiri. Oleh sebab itu tidak dapat dinafikan timbullah apa yang dikatakan "kereta sapu" di merata-rata kampung yang bergerak dari satu kampung ke satu kampung terutama di kawasan pendalaman. Walaupun masyarakat tahu dengan menggunakan kereta-kereta sapu keselamatan mereka tidak akan terjamin dan walaupun pemandu-pemandu kereta sapu itu sedar perbuatan mereka itu salah tetapi mereka sanggup menghadapi risiko kerana keperluan orang ramai berkehendakkan kepada mereka. Mungkin berbagai penipuan berlaku dan perkara ini bukan menjadi satu rahsia umum lagi, pada bila-bila masa sahaja kita boleh tengok dan di mana-mana sahaja kereta sapu itu bergerak dengan bebas tanpa lesen.

Ini bukan sahaja Kerajaan rugi tetapi rakyat juga akan menjadi mangsa, jika berlaku satu kemalangan siapakah yang akan membayar gantirugi dan sebagainya. Oleh sebab itu saya rasa masanya telah sampai iaitu pihak Kementerian ini haruslah memikirkan supaya mengadakan satu sistem lesen umpamanya kepada mereka yang bergerak jarak dekat kita beri murah lesennya, yang bergerak jauh mahal. Ini bukan satu perkara luar biasa, keadaan ini berlaku dan dibuat di negara jiran. Umpamanya, di Singapura bergerak dalam Singapura lain lesen, keluar dari Tambak Johor lain lesen. Mengapa kita tidak boleh timbangkan perkara ini supaya perbuatan melakukan kesalahan itu tidak terus menjadi satu pesaka kepada penduduk di luar bandar iaitu mengamalkan usaha kereta sapu. Keadaan ini bertambah maju, bertambah besar, bahkan ada pula pihak yang sanggup melabur modal di sektor kereta sapu ini. Dia banyak duit, harga kereta sapu untuk

bergerak dari satu kampung ke satu kampung yang jarak 5-6 batu ialah \$3,000, \$1,500. Kalau mereka ada \$10,000 mereka boleh beli dua tiga buah kereta sapu. Jadi, dengan adanya orang yang menggalakkan perbuatan-perbuatan ini maka pada fikiran saya, pergerakan atau perkhidmatan kereta-kereta sapu ini bukan akan tamat ataupun akan habis, malah akan bertambah besar dan akan bertambah banyak dari satu masa ke satu masa dan telah berjangkit dari satu kampung ke satu kampung. Barangkali orang yang mempunyai wang banyak sedikit, dia tengok dia boleh dapat pendapatan yang lumayan, beli tiga empat buah kereta buruk jadikan kereta sapu di kampung-kampung, orang itu pula ikut, jadi kerana naluri ingin meniru ada pada manusia, maka dia pun buat pula begitu maka bertambah besarlah gerakan-gerakan kereta sapu ini bergerak di kampung-kampung.

Jadi, perkara ini patut difikirkan oleh pihak Kementerian supaya dapat dibuat satu peraturan, satu undang-undang untuk kita memberi lesen kepada pengusaha-pengusaha kereta sapu ini supaya kehidupan mereka lebih terjamin dan kita dapat menampung keperluan pengangkutan di kampung-kampung. Mana-mana teksi-teksi yang hendak bergerak jauh dari kawasan itu, lesen-lesen berbeza dengan yang bergerak di kampung-kampung. Jadi, saya rasa ini satu sumbangan kepada punca-punca pendapatan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Inilah perkara penting yang saya rasa pada pandangan saya patut diberi pertimbangan oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara lagi yang saya hendak sentuh berkenaan dengan Fasal 5, iaitu bertujuan untuk memotong Seksyen 2, Seksyen 118 untuk membolehkan Jawatankuasa ini secara flexible di dalam memberi kelulusan sesuatu permohonan. Ini adalah satu galakan

yang baik kerana barangkali syarat-syarat kelulusan yang ada pada masa ini bagi suatu permohonan ini terlalu berat bagi setengah-setengah pengusaha-pengusaha yang ingin mengambil bahagian di dalam kereta-kereta teksi, lori dan sebagainya.

Satu perkara lagi berkaitan dengan Kementerian ini iaitu lesen-lesen pengangkutan barang-barang di pelabuhan-pelabuhan, iaitu secara besar-besaran yang diberikan kepada syarikat-syarikat. Hingga setakat ini saya tidak tahu, tetapi apa yang kita dengar desas-desus bahawa pihak syarikat Kontena Malaysia ini telah begitu mendapat perhatian daripada Kerajaan dan boleh dikatakan seolah-olah cuba memonopolikan lesen-lesen pengangkutan kontena ini. Saya rasa ini juga tidak adil, patutlah diberi peluang atau dicari ikhtiar supaya pengusaha-pengusaha bumiputera yang ada mempunyai minat di bidang pengangkutan kontena ini dengan diberi peluang mengambil bahagian di dalam sektor yang berkenaan.

Maka dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Akta yang dinamakan Akta Lalulintas Jalan Pindaan 1983.

6.24 ptg.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut): Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan Tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, saya suka mencadangkan satu perkara berkaitan dengan lalulintas. Khasnya kepada perlunya penubuhan ataupun pembentukan satu sistem pengangkutan lori di Bandaraya. Perkara ini ada berkaitan juga dengan Kementerian yang lain umpamanya Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya dan juga Kementerian Pengangkutan. Apa yang diperhatikan di Bandaraya Kuala

Lumpur ini, kita dapati kesesakan lori-lori yang datang dari seluruh pelusuk Tanahair. Dan lori-lori ini akan membawa barang-barangnya menuju ke Kuala Lumpur dan menghantarkannya ke tempat yang dituju mengikut keadaan-keadaan masing-masing. Apa yang terjadi ialah kesesakan di Bandaraya ataupun di Kuala Lumpur dan ini menyebabkan dibuatkan satu peraturan yang mana lori-lori ini ditentukan masanya untuk masuk ke Kuala Lumpur.

Tuan Yang Dipertua, jika kita ataupun Kementerian yang saya sebutkan tadi, khasnya Kementerian Perusahaan Awam mempelopori pembentukan satu sistem yang rapi bagi pengangkutan ini, saya percaya Insyallah, kita akan dapat mengatasi masalah kesesakan lori-lori di Bandaraya. Khasnya hanya lori-lori yang sepatutnya membawa barang-barang yang penuh muatannya dan tertentu sahaja yang akan masuk. Iaitu pertama sekali perlu diadakan satu pusat pengumpulan barang-barang yang dibina berhampiran sempadan Bandaraya, di mana seluruh barang-barang yang dibawa oleh lori-lori di seluruh Malaysia ini menuju ke Bandaraya dimuatkan di sini dan kemudian yang keduanya satu rangkaian pengangkutan bandar sahaja yang mana lori-lori akan membawa barang-barang ini ke tempat tujuan barang-barang itu hendak dihantar. Ini samalah juga seperti sistem jalan yang digunakan oleh bas-bas mini. Ini akan dapat menentukan pertama, barang-barang yang hendak dibawa itu menuju ke tempat yang sama dan lori yang khas ataupun dikhaskan untuk membawa barang-barang ini akan membawa muatan yang cukup banyak ke tempat yang dituju.

Dalam sistem yang ada sekarang semua lori masuk ke Bandaraya. Ada yang hanya membawa separuh sahaja muatan masuk juga. Ada lori yang

membawa separuh lagi muatan ke kawasan yang sama masuk juga ke Kuala Lumpur. Jadi melalui sistem ini satu lori yang dikhaskan umpamanya ke Jalan Tuanku Abdul Rahman akan membawa segala barang-barang ke Jalan Tuanku Abdul Rahman dan lori-lori yang dikhaskan ke Chow Kit Road umpamanya akan membawa muatan yang penuh ke Chow Kit Road. Maka dengan itu Tuan Yang Dipertua, kita akan dapat mengelakkan tumpuan lori-lori yang banyak ini ke Kuala Lumpur dan akan menjamin kelicinan sistem pengangkutan yang rapi.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap benar Kementerian Perusahaan Awam dan juga Pengangkutan Dewan Bandaraya dan juga Lembaga Pelesenan ini dapat menimbangkan cara-cara ini untuk mengelakkan kesesakan yang berlaku seperti yang saya cerita tadi.

Jadi, dengan itu Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):
Tuan Yang Dipertua, saya juga turut menyokong atas Akta meminda Ordinan Lalulintas Tahun 1958 yang dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya pindaan ini patut dibuat lama dahulu lagi, dan pernah saya mengingit ura-ura untuk membentangkan pindaan ini sejak dua tahun kebelakangan yang lalu dan baru hari ini Rang Undang-undang ini dapat dibentangkan. Tuan Yang Dipertua, pindaan ini adalah sungguh perlu dan amat munasabah dan sepertimana yang saya katakan tadi bahawa pindaan ini perlu dibuat bukan baru ini dan bukan hari ini, tetapi dua tahun yang lalu. Ini memandangkan bahawa banyak perkara-perkara yang menjadi beban, perkara-perkara yang menjadi salah-faham. Perkara-perkara yang tidak

jelas telah berlaku di dalam pelaksanaan dan pentadbiran tanggungjawab di bawah Akta yang ada ini. Dengan pindaan yang dikemukakan ini adalah amat diharapkan banyak penyelesaian-penyelesaian yang menjadi masalah selama ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Sila sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.